

Bil. 21

**Khamis
24 Ogos 1995**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA	(Ruangan 1)
Mesyuarat Dewan Rakyat - Penambahan Hari	
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 18)
RANG UNDANG-UNDANG:	
- Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 1995	(Ruangan 18)
- Rang Undang-undang Penjara 1995	(Ruangan 45)
USUL:	
Penangguhan Mesyuarat	(Ruangan 58)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Bayaran Komisen Atas Faedah Pinjaman Kereta EON Dan Harga Aksesori Kereta Yang Munasabah - <i>Y.B. Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)</i>	(Ruangan 58)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- " Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- " Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Bruas).
- " Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- " Menteri Pertanian, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- " Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).
- " Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- " Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- " Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

- Yang Berhormat Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- " Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- " Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- " Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- " Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- " Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- " Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- " Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- " Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- " Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- " Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- " Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- " Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.A.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- " Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK, (Nibong Tebal).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).

- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB @ ZAINABON BINTI ABU BAKAR, (Tebrau).
- " Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, (Besut).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG, (Padawan).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- " Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID (Padang Besar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Kewangan, DR. SHAFIE BIN MOHD. SALLEH (Kuala Langat).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., B.C.K., P.J.K., K.M.N. (Langkawi).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, (Bandar Tun Razak).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- " Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- " TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- " TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).

Yang Berhormat TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, s.s.m. (Jasin).

- " TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- " TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN (Parit Buntar).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- " DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN (Lipis).
- " DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF (Alor Gajah).
- " TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG (Kuala Pilah).
- " TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA (Jerantut).
- " TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- " TUAN HAJI AHMAD RAHIN BIN MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- " DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Bagan Datok).
- " PUAN AINON KHAIRIYAH BINTI MOHD. ABAS (Parit).
- " TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- " DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- " TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- " TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- " TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- " TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- " TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- " CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- " TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- " TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- " DATUK JOSEPH CHONG CHEK AH (Batu).
- " PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- " TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- " TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- " TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- " DATUK HANAFI BIN RAMLI (Jerlun).
- " TUAN HASHIM BIN ISMAIL (Ledang).
- " TUAN HENRYNUS AMIN (Kinabalu).
- " TUAN HEW SEE TONG (Kampar).
- " TUAN HO CHEONG SING (Ipoh Barat).
- " DATO' HON CHOON KIM (Seremban).

Yang Berhormat TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).

- " TUAN HAJI HUSNI BIN HANADZLAH (Tambun).
- " TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- " TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- " PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- " TUAN JACOB DUNGAU SAGAN (Baram).
- " DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARIIS, D.I.M.P. (Rompin).
- " TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, (Kapit).
- " TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- " TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- " TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- " DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- " DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH (Wangsa Maju).
- " TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- " TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- " DR. L. KRISHNAN (Telok Kemang).
- " TUAN LAU NGAN SIEW (Sandakan).
- " DR. G. LEELAVATHI (Kapar).
- " TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- " TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- " TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- " PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- " TUAN LIM SI CHENG (Senai).
- " TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- " TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- " TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- " DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI (Bandau).
- " TUAN MD ISA BIN SABU (Kangar).
- " TUAN MICHAEL LISA KAYA (Bukit Mas).
- " TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

- " TUAN HAJI NIK MOHD AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- " DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- " TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- " TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA (Hulu Terengganu).
- " TUAN NOH BIN OMAR (Tanjong Karang).
- " DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- " DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- " TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- " TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- " DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- " TUAN PAUL NOUTIN (Penampang).
- " TUAN PHILIP YONG CHEW LIP (Gaya).
- " DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- " TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- " DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- " TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- " TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- " PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- " TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- " TUAN SALAMON BIN SELAMAT (Shah Alam).
- " DATUK SALLEH BIN TUN SAID (Kota Belud).
- " DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- " PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- " DATUK S'NG CHEE HUA (Julau).
- " DATUK SONG SWEE GUAN (Bandar Kuching).
- " PUAN SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- " DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Machang).
- " DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- " DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- " TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- " DR. TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat DR. TAN YEE KEW (Kelang).

- ” TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- ” TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN (Gelang Patah).
- ” WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Pokok Sena).
- ” WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- ” TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- ” DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- ” TUAN WONG KAM HOONG (Bayan Baru).
- ” DATO' YAP PIAN HON (Serdang).
- ” DR. YAP YIT THONG (Lumut).
- ” DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- ” TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- ” TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- ” TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- ” DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB (Sipitang).
- ” TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- ” TUAN ZAINUDDIN BIN MOHAMAD NOR (Pasir Mas).
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat* : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Ketua Penolong Setiausaha* : Said bin Sidik.
- Pmk. Ketua Penolong Setiausaha* : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan* : Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan* : Azhari bin Hamzah.
- Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen* : Hajah Shamsiah binti Md. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
- Pelapor Perbahasan Parlimen* : Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Hajah Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kalsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Hajah Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

- Bentara Mesyuarat* : Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 24hb Ogos 1995

Mesyuarat dimulakan pada
pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Timbalan Ketua Majlis supaya mesyuarat Dewan Rakyat dilanjutkan dua hari lagi iaitu pada hari Isnin, 4hb September dan hari Selasa, 5hb September 1995 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Rakyat membahar rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan menurut Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Mahbub bin Haji Hashim.

(Soalan No. 1 – Y.B. Tuan Haji Mahbub bin Haji Hashim tidak hadir)

TADIKA DAN TAMAN ASUHAN
— BILANGAN DI BAWAH
NAUNGAN KEMENTERIAN

2. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin minta Menteri Perpaduan

Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tadika dan taman asuhan yang dikendalikan oleh kementerian ini atau yang berada di bawah naungan kementerian ini, di Semenanjung Malaysia amnya dan khususnya bagi negeri Selangor;
- (b) kepada golongan manakah perkhidmatan ini disediakan khususnya untuk penduduk bandar bekerja atau luar bandar bekerja;
- (c) apakah ukuran akademik yang digunakan bagi kelayakan tenaga penjaga/pendidik dan siapakah yang menyediakan kursus-kursus bagi melatih penjaga/pendidik di tadika dan taman asuhan ini; dan
- (d) apakah ciri-ciri keselamatan yang dilatih dan dipraktikkan di tadika dan taman asuhan ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara mengendalikan sebanyak 985 Tabika di seluruh negara dan 847 Tabika terdapat di Semenanjung Malaysia dan daripada jumlah itu 94 di negeri Selangor.

Bagi Taman Asuhan Kanak-kanak, iaitu dari tahun 1990 sampai bulan Julai, 1995 ini sebanyak 572 buah Taska yang memberi perkhidmatan kepada 22,415 orang kanak-kanak.

- (b) Tabika Perpaduan ditubuhkan dalam kawasan bandar dan pinggir bandar, khususnya dalam kawasan Rukun Tetangga. Keutamaan diberi bagi kawasan yang penduduknya terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan berbilang kaum.
- (c) Semua guru dan pembantu Tabika Perpaduan dilantik secara kontrak selama dua tahun. Kelayakan akademik bagi guru Tabika ialah lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dengan kepujian di dalam Bahasa Malaysia. Bagi pembantu guru pula, kelayakan akademik ialah lulus di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dengan kepujian di dalam Bahasa Malaysia. Selain daripada kepujian di dalam Bahasa Malaysia, aspek-aspek lain juga diambil kira seperti kemahiran di dalam bidang muzik, seni, lukisan dan aktiviti kesukanan.

Semua guru dan pembantu guru dilatih oleh jurulatih Jabatan Perpaduan Negara. Bagi guru yang baru dilantik, mereka diwajibkan menghadiri Kursus Induksi selama 10 hari, Kursus Profesional Tahap I selama 3 minggu dan Kursus Profesional Tahap II selama 3 minggu. Selepas itu, mereka akan dilatih dari semasa ke semasa pada hujung minggu dan di bengkel ulangan. Model kursus bagi guru disediakan bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

- (d) Semua kelas Tabika Perpaduan diadakan di tempat yang selamat, sepertimana yang ditentukan oleh Jabatan Bomba dan dibekalkan dengan alat pemadam api. Guru dan pembantu guru sentiasa dilatih menggunakan alat ini. Pihak bomba juga diminta dari semasa ke semasa memberi tunjuk ajar mengenai langkah-langkah mencegah kebakaran. Peruntukan juga disediakan untuk kerja-kerja mengganti peralatan elektrik yang lama. Di samping itu, dapur bagi Tabika Perpaduan ditempatkan di tempat atau kawasan yang berasingan.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat bercadang untuk mewujudkan maktab latihan atau pun maktab perguruan bagi guru-guru Tadika ini dan berganding bahu dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar?

Yang keduanya, adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal ataupun merangka skim perkhidmatan yang lebih baik kepada guru-guru Tadika?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian belum ada cadangan untuk menyediakan ataupun membangunkan satu maktab untuk guru tabika.

Yang kedua, pada masa ini yang didapati oleh Kementerian dan Jabatan Perpaduan Negara iaitu guru yang ada sekarang dapat mengendalikan aktiviti-aktiviti ataupun segala kerja di dalam tabika yang sedia ada.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kementerian sedar bahawa sekarang ini begitu banyak kelas-kelas tadika, kalau tidak silap sekurang-kurangnya ada 6 iaitu daripada Jabatan Perpaduan Negara, KEMAS, Majlis-majlis Agama Islam, Jabatan Pendidikan atau prasekolah, swasta dan juga badan-badan berkanun. Adakah kementerian bercadang untuk menyelaraskan semua sekolah-sekolah tadika ini supaya satu jadual pendidikan yang selaras di seluruh negara?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang sedar dengan kelas-kelas tabika ini telah dikendalikan oleh berbagai-bagai agensi di dalam negara kita. Walau bagaimanapun, perkara ini saya memang difahamkan sedang difikir dan sedang dibincang bagaimana mengaturnya kemudian kelak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah.

(Soalan No. 3 – Y.B. Dato' Joseph Chong Chek Ah tidak hadir)

GERAN TAHUNAN KEPADA MAJLIS DAERAH – TINDAKAN PEMBEKUAN/PENAHANAN

4. **Puan Lim Lay Hoon** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada tindakan membebankan geran tahunan kepada majlis-majlis daerah yang lewat atau enggan menghantar laporan kewangan tahunan wajar kepada rakyat memandangkan pegawai-pegawai majlis-majlis daerah yang sepatutnya dihukum, bukannya rakyat jelata.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penahanan pemberian geran tahunan sehingga dipenuhi syarat-syarat tertentu adalah bertujuan untuk mewujudkan akauntabiliti di dalam pengurusan pihak berkuasa tempatan. Ini adalah untuk kebaikan rakyat. Akibat daripada penganan syarat ini, hanya tinggal sebanyak 15 pihak berkuasa tempatan sahaja lagi yang belum menghantar Penyata Akaun Tahunan 1993 untuk diaudit dan mereka sedang mengusaha menyiapkan penyata akaun tersebut.

Penahanan pemberian geran tahunan tidak sepatutnya menjejaskan perkhidmatan kepada rakyat. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan kena beri perkhidmatan sewajarnya kepada penduduk tempatan. Hanya pihak berkuasa tempatan berkenaan akan terpaksa menggunakan wang simpanannya sendiri untuk membiayai perkhidmatan. Ini akan membuat mereka berasa lebih bertanggungjawab.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan yang telah diambil ke atas majlis daerah yang terlibat dalam ini dan manakah majlis daerah ini?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut tindakan lanjut ialah kita menahan geran pada tahun-tahun yang berikut dan ini bermakna geran itu tidak disampaikan kepada pihak berkuasa apabila penyata akaun itu belum diselesaikan.

Soalan kedua, senarai ini adalah melibatkan 15 pihak berkuasa tempatan dan nampaknya panjang sedikit kalau

saya hendak namakan semuanya. Kalau dapat.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Berapa agaknya Yang Berhormat?

Tuan Peter Chin Fah Kui: 15.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): 15? Boleh berilah Yang Berhormat, boleh.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Boleh baca, okay, terima kasih.

- | | |
|------------|--|
| Perlis | - Majlis Perbandaran Kangar. |
| Kedah | - Majlis Daerah Langkawi, Majlis Daerah Padang Terap Majlis Perbandaran Kota Setar. |
| Johor | - Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Daerah Kulai, Majlis Daerah Batu Pahat Barat, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah, Majlis Daerah Kluang Utara, Majlis Daerah Muar Selatan. |
| Kelantan | - Majlis Daerah Kuala Krai Utara, Majlis Daerah Tanah Merah. |
| Terengganu | - Majlis Daerah Marang. |
| Selangor | - Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Daerah Gombak. |

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Timbalan Menteri memberitahu tentang sebabnya kelewatan berlaku dan sama ada kelewatan ini ada hubungkait dengan kekurangan pegawai dalam perakaunan. Kalau ini benar, apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini supaya semua majlis daerah akan menghantarkan laporannya pada masa yang ditetapkan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kebanyakan Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran ini yang belum hantar penyata akaun kepada juruauditnya ialah sebab yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat juga tadi iaitu kekurangan staff atau pegawai dan mereka belum dapat menyelesaikan akaun sendiri supaya akaun itu boleh dihantarkan dan diserahkan kepada juruaudit. Mereka sudah memberi alasan-alasan kepada kementerian dan kita sedang menunggu sehingga mereka boleh menyiapkan akaun-akaun tersebut.

PERUBATAN MODEN DAN PERUBATAN ISLAM — PENYELARASAN KONSEP

5. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah pihak kementerian telah membuat kajian terhadap kaedah perubatan moden yang dipraktikkan sekarang ini agar dapat diselaraskan dengan konsep perubatan Islam.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada kajian yang dijalankan oleh kementerian ini ke atas perubatan

moden untuk diselaraskan dengan konsep perubatan Islam.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan tentang contoh-contoh kaedah perubatan moden yang dipraktikkan sekarang ini yang tidak selaras dengan konsep perubatan Islam?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan kalau ditakrifkan kaedah moden itu sebagai apa yang kita praktikkan sekarang dalam konsep kaedah perubatan moden, kita tidak ada sebarang langkah untuk menyelaraskan dengan konsep perubatan Islam. Tetapi kalau dimaksudkan dengan cara mengikut kaedah Islam itu yang ada berkaitan dengan soal-soal pakaian atau soal-soal rawatan pesakit dan sebagainya, kita sudah pun memberi kelonggaran dari segi membenarkan cara pemakaian yang digunakan oleh petugas atau jururawat wanita kita dengan cara membenarkan mereka memakai tudung kepala, berseluar panjang dan sebagainya asalkan dia tidak bercanggah dengan soal-soal keselamatan dari segi memberi perkhidmatan rawatan. Kalau ia berkaitan dengan soal isu yang dibangkitkan sama ada perlu doktor wanita merawat para pesakit wanita, mengikut etika perubatan seorang doktor perlu memberikan rawatan kepada pesakit yang memerlukan rawatan tanpa mengira jantina atau bangsa. Jadi, keutamaan itu mengikut kementerian dari segi dasarnya, diberikan kepada pemberian rawatan yang cekap dan berkualiti dan juga mengikut keadaan yang sekarang ini belum membolehkan kita mengambil pendirian yang berikut.

Kalau mentakrifkan konsep perubatan Islam itu dengan perubatan tradisional yang sekarang ini diamalkan dengan cara-cara selain daripada kaedah sekarang, Kementerian Kesihatan lebih suka orang ramai membuat pilihannya sendiri kerana kementerian belum membuat sebarang pendirian.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah konsep yang akan diamalkan oleh Pusat Rawatan Islam yang akan ditubuhkan di Bukit Jalil sebagaimana yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan bahawa penerangan yang saya berikan itu ialah kita mengambil kira takrif konsep perubatan Islam itu mengikut lunas-lunas dan ciri-ciri yang tidak bercanggah dengan praktis yang ada sekarang.

LEMBU PAWAH YANG DIBERI KEPADA PETANI — JUMLAH

6. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyakkah lembu-lembu yang telah diberi kepada petani-petani setakat 31/3/95 dan berapakah hasil pulangan dari lembu-lembu pawah ini dan adakah kementerian masih memawah lembu-lembu setakat hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Dato' Abu Bakar bin Taib): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan rakan saya dari Larut, bilangan lembu yang diberi di bawah skim pawah kelolaan Jabatan Perkhidmatan

Haiwan kepada para penternak semenjak Januari 1991 sehingga kini ialah sebanyak 29,248 ekar. Sumber peruntukan yang digunakan ialah daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak 10,995 ekor dan Kerajaan Negeri 18,253 ekor.

Penilaian terhadap rekod-rekod pawah Jabatan Perkhidmatan Haiwan menganggarkan pulangan daripada penternak lembu pawah sekitar lebih kurang RM240 satu induk setahun bagi seekor.

Sehingga kini, Jabatan Perkhidmatan Haiwan masih lagi meneruskan skim pawah kerajaan kepada penternak di kawasan luar bandar.

Datuk Nurnikman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas lembu-lembu di bawah skim ini yang telah pun diberikan kepada petani-petani, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh petani-petani dari segi menangani penyakit-penyakit yang selalu melanda lembu-lembu di bawah skim ini?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, penyakit-penyakit yang melanda lembu ini saya rasa memang ada, tetapi pihak Jabatan Haiwan telah pun memberi suntikan dan seterusnya merawat lembu-lembu ini.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah standard ataupun cara subsidi lembu itu diberi? Adakah diberi kepada penternak-penternak yang memerlukan ataupun diberi mengikut politik, sebab ada setengah tempat misalnya lembu diberi, kadang-kadang pegawai

pertanian belum balik, lembu itu sudah dijual, jadi pemberian lembu ini atas semangat apa?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian Pertanian menyelaraskan cara mentadbir lembu sebab di Terengganu misalnya lembu beranak kena daftar, lembu berpindah kena daftar, seolah-olah lembu kena buat kad pengenalan? (*Ketawa*) Jadi untuk membolehkan lembu itu beranak hingga disembelih seorang petani di Terengganu memerlukan belanja lebih kurang RM21, kos itu terlalu mahal. Adakah kementerian hendak menyelaraskan? Dan adakah pihak Kementerian Pertanian bersetuju dengan Kerajaan Terengganu untuk mendaftarkan lembu-lembu seolah-olah lembu ini pun kena ada surat beranak dan kad pengenalan? (*Ketawa*)

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, kaedah yang kita ikutkan, mengenai pembahagian lembu ini berasaskan kepada kesungguhan, kemampuan dan keperluan seseorang itu. Kita tidak pilih parti ataupun pilih orang perseorangan, malahan di Kedah terdapat anggota-anggota parti pembangkang yang menyalahkan kerajaan dan menyalahkan ahli-ahli parti kerajaan disebabkan memberikan lembu itu kepada pembangkang — sama sahaja. Kita juga meneliti dengan sempurnanya segala permohonan-permohonan lembu pawah ini, mengikut kesungguhan, kemampuan dan keperluan seseorang itu.

Yang keduanya, berkenaan dengan penyelarasan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita hendakkan penghijrahan ataupun pindah-randah lembu ini di-kontrol, sebab takut terkena penyakit. Kerana tidak mahulah lembu di Kelantan pergi ke Terengganu tanpa

(*Ketawa*) tidak mahulah penyakit-penyakit merebak. Itulah yang sebenarnya.

**CUTI PERSEKOLAHAN
MENGIKUT SISTEM
SEMESTER — PENUKARAN
KEPADA SISTEM PENGGAL**

7. Tuan Hamzah bin Ramli minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah rasionalnya cuti persekolahan yang mengikut sistem semester ditukar kepada sistem penggal. Adakah sistem ini dahulu pernah dibuat kajian yang terperinci sebelum ianya dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Timbalan Menteri Pendidikan (Datuk Dr. Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menukarkan sistem persekolahan dari sistem semester kepada sistem penggal. Sistem semester masih dilaksanakan, tetapi dibuat pindaan tentang permulaan semester dari bulan Disember kepada bulan Januari. Di antara justifikasi yang diambil kira untuk mengubah tarikh permulaan persekolahan yang dicadangkan bermula pada bulan Januari 1997 ialah:

- (i) memudahkan cuti tahunan yang diambil oleh ibu bapa/penjaga pada akhir tahun selaras dengan cuti penggal persekolahan.
- (ii) penggal persekolahan akan bermula dan berakhir pada tahun yang sama. Ini memudahkan Kementerian melaksanakan perancangan dan program yang disusun.
- (iii) untuk memenuhi desakan para ibu bapa dan PIBG su-

paya tarikh permulaan persekolahan diubahsuai.

Penggal persekolahan diubah ke bulan Disember beberapa tahun yang lalu ialah untuk memberi masa memproses kemasukan ke program-program lepas menengah seperti ke maktab-maktab perguruan dan pusat-pusat pengajian tinggi di seluruh negara.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, mengikut kenyataan Kementerian bahawa pertukaran cuti sekolah ini kepada bulan Januari tidak ada masalah, kenapa kita mulakan pada tahun 1997 dan tidak dimulakan pada tahun 1996, tahun hadapan?

Yang kedua, selalunya cuti sekolah ini sama dengan perjalanan penggal Parlimen, oleh itu ramai Menteri, Ahli Parlimen, pegawai-pegawai kerajaan tidak dapat membawa anak-anaknya bercuti. Jadi, saya minta supaya cuti sekolah ini kalau boleh biarlah di masa tidak ada sidang Parlimen. (*Ketawa*)

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang pada prinsipnya Kementerian bercadang menguatkuasakan perpindahan itu pada bulan Januari 1997. Namun demikian, di Kementerian ada satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan mengkaji semula sama ada kita boleh menguatkuasakan perpindahan ini awal dari itu, iaitu pada tahun 1996. Di antara masalah-masalah yang mesti diambil kira ialah kesannya terhadap tarikh-tarikh peperiksaan dan sebagainya, tetapi terpulanglah kepada jawatankuasa tersebut kalau selepas dikaji mereka cadang boleh, tidak ada banyak masalah, Kementerian Pendidikan akan menerima cadangan tersebut. Tetapi

pada masa ini kita membuat keputusan pada prinsipnya perpindahan itu akan dikuatkuasakan pada bulan Januari 1997.

Soalan kedua, sama ada bolehkah kita batalkan sesi Parlimen pada masa cuti sekolah, itu terpulanglah kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat ini, kalau kita bersetuju, saya rasa Tuan Yang di-Pertua boleh menerima cadangan tersebut. (*Tepuk*)

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tiga justifikasi kenapa diubah tarikh permulaan persekolahan. Saya percaya pada masa ianya diubah daripada bulan Januari kepada Disember dahulu ada juga diberi justifikasi kenapa dibuat demikian. Jadi, saya ingin bertanya apakah perubahan dalam persekitaran yang boleh menyangkal justifikasi asal yang mula dikemukakan. Soalan ini saya timbulkan kerana kita tidak mahu pada satu masa yang tidak berapa lama, kita cari pula justifikasi lain untuk ubah kepada satu tarikh yang lain pula.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Balik Pulau tentang cadangan beliau. Kementerian Pendidikan memang sedar tentang alasan-alasan yang disebutkan tetapi oleh kerana pada masa sekarang Kementerian Pendidikan boleh membuat persediaan tentang kesan yang akan dibawa kalau terjadi banjir dan sebagainya, kita boleh membuat persediaan tentang pertukaran tarikh peperiksaan dan sebagainya. Pada masa ini Kementerian Pendidikan berasa kita cukup bersedia dan kita yakin dengan pemindahan tarikh tersebut

tidak ada membawa akibat-akibat yang tidak diingini.

JALAN BARU DI SEBERANG PERAI TENGAH — PEMBINAAN

8. Dr. Tan Chong Keng minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah jalan-jalan baru yang akan dibina di kawasan Seberang Perai Tengah dalam tempoh 1995 – 1999 untuk menampung bilangan kenderaan yang kian bertambah.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mencadangkan beberapa projek untuk dilaksanakan di Seberang Perai Tengah dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Projek lingkaran luar Butterworth;
- (ii) Jejambat di bulatan Bukit Tengah, Seberang Perai Tengah;
- (iii) melebarkan jalan Persekutuan dari bulatan Bukit Tengah, ke jambatan Pulau Pinang, Seberang Perai Tengah; dan
- (iv) pembinaan hard shoulder untuk Jalan Persekutuan Laluan 1, Seberang Perai.

Cadangan-cadangan ini telah pun dikemukakan kepada Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan pada masa ini masih lagi dalam pertimbangan unit tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Haji Abdullah.

(*Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Mohamad bin Haji Abdullah tidak hadir*)

SIMEN — KESAN ATAS KEKURANGAN BEKALAN

10. Tuan Lim Si Cheng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kesan ke atas sektor pembinaan memandangkan berlakunya kekurangan bekalan simen terutamanya ke atas sasaran masa kini rumah kos rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, kekurangan bekalan simen akan menyebabkan projek lambat disiapkan dan melewati pencapaian sasaran pembinaan rumah kos rendah. Kelambatan siap projek boleh menambahkan kos pembinaan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai pembinaan rumah awam kos rendah ini, kalau tidak silap saya kerajaan juga berhasrat untuk membina rumah awam kos rendah yang mempunyai 3 bilik. Soalan saya pada masa sekarang dengan kenaikan harga simen sebanyak 10% ini, jadi mengikut pandangan kementerian, apakah harga yang patut bagi sebuah rumah awam kos rendah yang mempunyai 3 bilik.

Kedua, berapakah projek rumah awam kos rendah yang mempunyai 3 bilik ini telah disiapkan selama ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kenaikan harga simen 10% hanya melibatkan tambahan sejumlah RM252 seunit rumah kos rendah ini. Oleh sebab itu, kementerian merasakan ini tidak akan menjejaskan harga yang ditetapkan buat masa sekarang.

Mengenai membina rumah kos rendah mempunyai 3 bilik, ini memang

hasrat kementerian untuk menggalakkan setiap agensi kerajaan serta juga pihak swasta. Rumah kos rendah ini patutlah memiliki 3 bilik dalam ruangnya tetapi kadang-kala nasihat ini tidak diikuti oleh sesuatu sebab-sebab harga di sesuatu tempat projek itu diletakkan adalah tinggi dan sebagainya — maka tidak semua projek rumah kos rendah itu mempunyai 3 bilik. Tetapi ini memang dasarnya dan kita cuba menggalakkan semua rumah kos rendah ini memiliki 3 bilik.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kekurangan simen maka kerajaan bersetuju untuk mengimport simen. Bolehkah pihak kementerian terangkan daripada negara mana dan jenis simen yang telah diluluskan oleh pihak SIRIM untuk diedarkan di Malaysia.

Perkara yang kedua, ada tekanan kepada pihak SIRIM iaitu syarikat yang mengimport simen yang ada hubungkait dengan menteri berkenaan ditekan supaya ujian simen itu dibuat terlebih dahulu untuk mendapat kelulusan pihak SIRIM. Adakah pihak kementerian sedar ada unsur-unsur tekanan daripada orang-orang tertentu kononnya mewakili menteri supaya pihak SIRIM menguji dengan cepat untuk mendapat kelulusan untuk diedarkan simen itu. Isteri saya bekerja di SIRIM. Tolong jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa soalan Yang Berhormat ini terkeluar dari bidang tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Bila kena dengan menteri, tidak hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tidak. Saya rasa ini....

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Jawablah. Tahu atau tidak tahu. Tidak tahu cakap tidak tahu, soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau Yang Berhormat meneliti soalan asalnya memang berbeza sedikit.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tidak apalah, Yang di-Pertua hendak membela menteri! Saya setuju. (Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya tidak benarkan. Batang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah kerana mengeluarkan soalan tadi. Memang saya tunggu-tunggu, saya tahu tadi.

Seorang Ahli: (Menyampuk)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tak masuk. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri tentang kekurangan simen. Berapa lamakah keadaan sebegini, adakah keadaan ini akan berkekalan dan berapa lamakah keadaan kekurangan ini akan berlaku?

Kedua, adakah pihak kerajaan akan mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menaikkan lagi harga rumah murah untuk mengatasi masalah harga simen yang meningkat?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Yang Berhormat dari Batang Lupar, terima kasih. Ini rakan saya dari Sarawak.

Untuk menjawab soalan tadi, bekalan simen kita rasa akan pulih seperti sediakala dalam lingkungan 3 bulan ini. Saya rasa dengan kenaikan harga yang dibuat sekarang dan dengan bertambahnya pengimportan yang didapati, termasuk juga penambahan pengeluaran simen dari kilang-kilang dalam negara ini, situasi akan baikpulihan dan saya rasa masalah ini tidak akan timbul lagi.

Tentang kenaikan harga, memang tidak ada cadangan untuk menaikkan lebih daripada RM25,000 seunit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Soalan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian tadi kalau ditujukan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, itu saya akan benarkan. Tetapi nampaknya sudah salah sasaran sekarang. Yang Berhormat Tuan Chiew Chiu Sing.

INDUSTRI PEMBUATAN DI SARAWAK — GALAKAN DAN PENEKANAN

11. Tuan Chiew Chiu Sing minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kementeriannya mempunyai pelan untuk memperkenalkan industri pembuatan yang lebih pelbagai untuk didirikan di Sarawak. Kalau ya, apakah langkah-langkah yang telah dibuat dan apakah jenis industri ini berdasarkan banyaknya dan ruang waktu. Kalau tidak, mengapa, sedangkan Sarawak jauh ketinggalan di sektor ini berbanding dengan Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antara-

bangsa dan Industri sememang menggalakkan pelaburan-pelaburan aktiviti hiliran dan keluaran pelbagai yang memberi penekanan kepada teknologi, nilai tambahan, penggunaan sumber tempatan dan rangkaian industri. Dalam Program Promosi Pelaburan yang dilaksanakan, MITI tidak menumpukan pelaburan untuk sesebuah negeri sahaja tetapi untuk keseluruhan Malaysia termasuk negeri Sabah dan Sarawak. Dalam konteks ini, Kerajaan Sarawak juga merangka strategi tertentu bagi menarik para pelabur negara asing dan tempatan ke negeri tersebut.

Namun demikian, perlu dijelaskan bahawa beberapa aktiviti keluaran yang tidak lagi digalakkan di koridor Pantai Barat Semenanjung Malaysia masih lagi terus digalakkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak melalui pemberian insentif fiskal. Ini adalah bertujuan menggalakkan aktiviti-aktiviti perindustrian di kawasan-kawasan yang ketinggalan dalam sektor perindustrian pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan ini MITI telah mengadakan pakej insentif yang meliputi pengecualian cukai 85% daripada pendapatan berkanun selama lima tahun bagi taraf perintis, elaun cukai pelaburan cukai pada kadar 80% ke atas perbelanjaan modal yang diluluskan, elaun infrastruktur sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang terlibat dalam pembinaan, pengecualian cukai import sepenuhnya untuk selama lima tahun ke atas bahan-bahan mentah dan komponen-komponen dan geran pusingan kali kedua bagi taraf perintis atau elaun cukai pelaburan. Tambahan pula, kerajaan juga mewujudkan satu

tabung industri untuk memberi pinjaman mudah kepada firma-firma yang ingin pindah atau memperbesarkan operasi dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah estet perindustrian telah ditubuhkan di dalam negeri Sarawak, dan apakah degree of success, dengan izin, estet perindustrian? Yang kedua, di dalam masa lima tahun akan datang, apakah cadangan oleh kementerian untuk tubuhkan estet perindustrian yang baru di negeri Sarawak?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, sama ada berapa estet perindustrian yang diwujudkan atau akan diwujudkan di Sarawak, ini terpulanglah kepada kerajaan negeri Sarawak.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pertama apakah kesan insentif-insentif yang telah disebut tadi, dan berapakah jumlah firma-firma yang telah menggunakan insentif-insentif, dan yang ketiga, kenapakah masih sedikit jumlah firma-firma yang berpindah daripada Semenanjung ke Sabah dan Sarawak, walaupun insentif-insentif tersebut telah pun diberikan?

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 1994 MITI telah meluluskan 33 projek untuk ditempatkan di negeri Sarawak. Bagi negeri Sabah, saya tidak ada angka di sini tetapi dengan jumlah pelaburan sebanyak RM744.1 juta. Dari jumlah itu, sebanyak RM295.6 juta adalah pelaburan asing, dan bakinya daripada pelaburan tempatan. Ini menunjukkan masih ramai yang melabur atau ditempatkan di Sarawak.

**KILANG PENJANAAN KUASA/
TRANSMISI ELEKTRIK —
KONTRAKTOR TEMPATAN/
ASING**

12. Tuan Lim Siang Chai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilangan kontrak pembinaan kilang penjaan kuasa, sub-stesen dan transmisi kuasa letrik diberikan kepada syarikat asing; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk membantu kontraktor-kontraktor tempatan untuk melaksanakan projek-projek pembinaan sub-stesen 33 kv dan ke atas.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Chan Kong Choy): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan,

- (a) bilangan projek pembinaan penjaan kuasa sub-stesen dan transmisi kuasa elektrik yang diberikan kepada syarikat asing pada tahun 1995 adalah sebanyak 21 buah.
- (b) (i) semua kerja-kerja pembinaan pencawang 33 kv ke bawah adalah dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor tempatan sahaja.
- (ii) tawaran pembinaan pencawang 33 kv ke atas adalah terbuka kepada kontraktor-kontraktor tempatan dan juga kontraktor-kontraktor antarabangsa. Ini adalah disebabkan sebahagian besar daripada

komponen-komponen pencawang 33 kv ke atas diimport dari luar negara; dan

- (iii) di samping itu, di bawah program pembangunan kontraktor binaan berwibawa yang diperkenalkan oleh kerajaan, TNB akan mengenal pasti projek-projek yang boleh ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan di bawah program tersebut.

Tuan Akhbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah projek pembinaan stesen-stesen janakuasa 20 megawatt di Sabah akan dilaksanakan. Adakah kontraktor bumiputera terlibat dalam pelaksanaan projek tersebut?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, projek yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini akan dimulakan, kalau tidak dapat dimulakan tahun ini, akan dimulakan pada tahun depan.

Yang keduanya, sungguhpun ada projek-projek yang saya sebutkan tadi, termasuk projek yang disebutkan oleh Yang Berhormat diberikan kepada syarikat asing, tetapi kebanyakan syarikat asing yang saya maksudkan tadi, sebanyak 21 syarikat, adalah penyertaan tempatan, memang cukup dan banyak. Kalau sekiranya sesuatu projek ini ditawarkan kepada syarikat asing, tetapi kerja civil 100% kita akan pastikan ia akan diberikan kepada kontraktor tempatan. Selain daripada itu, kerja mechanical dan kerja elektrik hampir semua diberikan kepada syarikat tempatan.

Justeru itu, saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, sungguhpun

pun sekiranya satu projek ini tidak diberikan kepada kontraktor tempatan, tetapi sebenarnya kebanyakan kerja dijalankan oleh kontraktor tempatan juga. Sekian.

Tuan Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian akan mengambil langkah supaya syarikat kejuruteraan tempatan diberi pembinaan sub-stesen 33 kv dan ke atas secara negotiated, dengan izin, sebab banyak syarikat tempatan tidak diberi peluang dan mereka tidak akan dapat cukup pengalaman untuk mengambil bahagian dalam pembinaan ini seperti di negara lain, Vietnam, Burma dan sebagainya.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan, lebih banyak sekarang ini kerja pembinaan sub-stesen ataupun transmisi kuasa elektrik telah pun diberikan kepada syarikat tempatan. Contohnya 500 kv transmission system development yang perbelanjaannya dekat RM1 bilion telah pun diberikan kepada syarikat tempatan. Saya hendak memberikan jaminan di sini bahawa kalau sekiranya kerja-kerja yang ada kaitan dengan pembinaan sub-stesen, transmisi dan sebagainya, kalau kita telah mengenal pasti bahawa kerja ini dapat dijalankan oleh syarikat tempatan, kita akan memberikannya kepada syarikat tempatan. Tetapi, open tender ataupun negotiated tender, ini adalah terpulang kepada kes-kes yang tertentu.

**JALAN RAYA SELURUH
SABAH — PEMBINAAN/
PENJAGAAN DALAM RMK-7**

13. Tuan Yunof Edward Maringking minta Menteri Kerja Raya menyatakan

nama-nama dan jarak jauh setiap jalan raya di bawah jagaan Persekutuan di seluruh Sabah dan sama ada Kementerian Kerja Raya bercadang semasa Rancangan Malaysia Ketujuh untuk:

- (a) membina jalan raya dari Teluk Likas ke Teluk Sulaman dalam kawasan Tuaran untuk menampung keperluan pembangunan pelancongan yang sedang giat dijalankan di sepanjang kawasan pantai itu; dan
- (b) mempercepatkan penyelenggaraan beberapa bahagian jalan raya sepanjang Tamparuli-Ranau yang kini sangat merbahaya kepada para pengguna dan akan runtuh pada bila-bila masa sahaja kalau tiada tindakan diambil.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Railey bin Haji Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat terdapat 14 jalan raya yang mempunyai jumlah jarak sepanjang 1,230 km di bawah jagaan Persekutuan di seluruh negeri Sabah. Jalan-jalan tersebut adalah seperti berikut:

1. Jalan Kota Kinabalu-Kudat.
2. Jalan Kota Kinabalu-Sandakan.
3. Jalan Sandakan-Tawau.
4. Jalan Kota Kinabalu-Sindumin.
5. Jalan Kota Kinabalu-Penampang-Lok Kawi.
6. Jalan masuk ke Lapangan Terbang Kota Kinabalu.
7. Jalan Stesen TV Lawa Mandau.
8. Jalan Spur Sepangar Bay.

9. Jalan Stesen TV Tampasak.
10. Jalan Beacon.
11. Jalan Stesen TV Kudat.
12. Jalan Stesen TV Tawau.
13. Jalan Beaufort-Menumbok.
14. Jalan Stesen TV Kota Marudu.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan masih belum mempunyai cadangan untuk membina jalan raya dari Teluk Likas ke Teluk Sulaman dalam kawasan Tuaran kerana jalan-jalan sedia ada dan yang akan dibina di kawasan tersebut dijangka mampu menampung keperluan pembangunan pelancongan yang sedang giat dijalankan di sepanjang kawasan pantai itu; dan

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sedang menyelenggarakan kerja-kerja ke atas beberapa bahagian jalan yang sangat berbahaya terutamanya cerun-cerun yang runtuh di sepanjang jalan Tamparuli/Ranau. Dalam Rancangan Malaysia Keenam ini sebanyak RM55 juta telah diperuntukkan dan lebih kurang RM34 juta telah dibelanjakan setakat ini. 9 cerun yang berbahaya telah pun siap dibaiki dan beberapa lagi cerun pembinaan membaiki cerun, sedang dijalankan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, dua soalan tambahan. Pertama, adakah kementerian sedar bahawa jalan raya dari Tinanam ke Tuaran melalui Telipot berkemungkinan besar akan penuh sesak bila

KKIP dilaksanakan dan jika tidak ada perancangan untuk jalan raya yang ditanyakan di bahagian (a) ini, kita akan menghadapi masalah jalan raya ataupun 'traffic congestion', dengan izin.

Bagi soalan yang kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata penyelenggaraan sedang dilakukan tetapi maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah tindakan secepat mungkin oleh kerana banyak jalan yang sangat berbahaya di saat-saat ini dan nampaknya tidak ada tindakan langsung diambil oleh pihak berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ini pandangan, bukan soalan Yang Berhormat.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan pandangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Soalnya Yang Berhormat?

Tuan Yunof Edward Maringking: Adakah kementerian sedar tentang keadaan yang berlaku ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, ya, sila.

Datuk Railey bin Haji Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan tadi, sebenarnya bukan tidak ada rancangan untuk membina jalan-jalan lain atau membaiki jalan-jalan daripada Kota Kinabalu ke Tuaran. Oleh kerana, adanya rancangan-rancangan lain yang dijalankan, pembinaan jalan baru yang dibuat, dibina daripada Tuaran ke Kota Belud iaitu jalan baru dan Jalan Sepangar ke pelabuhan Sepangar dan jalan-jalan lain di bawah rancangan-rancangan

kecil yang tidak termasuk dalam rancangan pembinaan jalan-jalan besar merupakan complement kepada jalan-jalan yang sedia ada, yang difikirkan boleh menampung keperluan kesesakan hingga beberapa tahun yang akan datang.

Jadi, di samping itu juga rancangan untuk membaiki jalan-jalan ataupun jalan besar atau 'carriageway' yang ada sekarang ini daripada Kota Kinabalu ke Tuaran memang sentiasa diberikan perhatian memandangkan bilangan trafik yang bertambah.

Yang kedua, memang benar kata Ahli Yang Berhormat, Jalan Tamparuli-Ranau sentiasa menghadapi masalah tanah runtuh dan sebagainya. Dalam usaha yang saya katakan tadi, memang sudah kita lakukan kerja-kerja di mana 9 cerun telah pun dilaksanakan. Ada empat cerun lagi yang akan disiapkan sebelum penghujung tahun ini.

Tetapi dalam hal yang demikian, memandangkan topo ataupun muka bumi yang ada di kawasan ini yang berbukit-bukau di mana tanah runtuh sering berlaku, ini tidaklah dapat kita perkatakan kalau sesuatu bencana alam berlaku hingga menyebabkan jalan runtuh dan terputus yang di luar daripada program-program kerja yang dilakukan, ini hendaklah kita lihat adalah sebagai satu perkara yang berasingan, yang perlu juga diberikan perhatian. Tetapi, saya ingin memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran berhubung dengan perkara ini bahawa kita sentiasa mengambil perhatian sama ada perkara-perkara yang dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam ataupun Malaysia Ketujuh ataupun yang akan berlaku pada bila-bila masa yang memerlukan bantuan kerajaan di mana Jabatan Kerja Raya terlibat untuk

membantu kerja-kerja membaiki, menyambung jalan-jalan yang terputus dan sebagainya.

PINJAMAN PERUMAHAN KERAJAAN — KELONGGARAN SYARAT

14. Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas minta Menteri Kewangan menyatakan adakah syarat pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan dilonggarkan supaya mereka yang sudah sah di dalam jawatannya boleh memohon pinjaman untuk membeli rumah mengikut kemampuan gaji mereka dan berkeupayaan untuk membayar balik dan syarat lima tahun perkhidmatan diketepikan bagi kes-kes munasabah, sejajar dengan dasar pemilihan rumah untuk rakyat negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, di antara syarat kelayakan mendapat Pinjaman Perumahan Perbendaharaan kepada kakitangan kerajaan ialah berjawatan tetap, telah disahkan di dalam jawatan serta telah berkhidmat lima tahun secara terus-menerus, berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan tidak melebihi 55 tahun serta bebas daripada tindakan tatatertib.

Setelah meneliti cadangan yang dimajukan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut, Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk meminda syarat yang memerlukan perkhidmatan 5 tahun secara terus-menerus sebagai salah satu syarat kelayakan memohon pinjaman kerana syarat tersebut memberi kebaikan dan manfaat kepada peminjam.

Tempoh lima tahun perkhidmatan disyaratkan adalah untuk memberi

masa kepada pegawai memantapkan kedudukannya dan menganggap pegawai pada tempoh perkhidmatan itu telah stabil kedudukannya. Di dalam tempoh tersebut beliau bolehlah menabung sebahagian pendapatannya bagi maksud untuk pembayaran perkhidmatan guaman serta wang pendahuluan 10% tempahan harga rumah. Beliau juga dapat membuat pilihan rumah yang lebih selesa dan sesuai dengan bertambahnya amaun kelayakan pinjaman selepas 5 tahun perkhidmatan.

Di samping itu tempoh 5 tahun perkhidmatan telah menambah pendapatannya dan membolehkan pegawai tersebut mendapat amaun pinjaman yang lebih besar berbanding dengan yang sebelumnya.

Tempoh tersebut memberi kesempatan kepadanya menyelesaikan apa-apa tanggungan kewangan yang terdahulu dan menjadikannya lebih bersedia untuk menanggung ansuran bulanan bayaran balik pinjaman perumahannya.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang telah diambil ke atas kakitangan kerajaan yang telah meletakkan jawatan tetapi telah pun memperolehi pinjaman perumahan daripada pihak kerajaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, tindakannya ialah meminta kakitangan yang meletak jawatan itu menyelesaikan segala hutang-hutang yang berbaki kepada kerajaan jikalau ia meletakkan jawatan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia telah mensyaratkan bahawa semua kakitangan kerajaan mengemukakan hak milik blok untuk unit

perumahan bercorak 'apartment' 'condominium' atau rumah pangsa sebelum permohonan itu diproseskan. Apa sebabnya syarat ini diperlukan?

Memandangkan syarat ini telah menyusahkan dan menyebabkan kesulitan dan kekeliruan di kalangan kakitangan kerajaan yang telah menandatangani surat pinjaman ini dengan pemaju tetapi selepas itu, tidak memperolehi pinjaman kerajaan, adakah kerajaan berhasrat mengkaji semula ataupun menarik balik syarat ini untuk mengemukakan hak milik blok ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu spesifik, saya minta notis dan saya akan memberikan jawapannya kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan kepada Timbalan Menteri. Soalan yang pertama, memandangkan selalu berlaku kelambatan dalam mendapatkan kelulusan daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, adakah kementerian bercadang untuk mensentralisasikan kuasa untuk meluluskan pinjaman perumahan untuk pegawai-pegawai kerajaan?

Yang kedua, semasa pegawai memohon pinjaman perumahan mungkin dia berpangkat rendah. Apabila dia naik pangkat mungkin selepas bertahun-tahun yang akan datang, adakah kementerian bercadang untuk memberi peluang kepada pegawai yang berkeinginan meminjam semula seperti pada tahun 1960-1970 dahulu untuk membolehkan pegawai berkenaan mengubahsuai rumahnya setaraf dengan kedudukan beliau?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada

soalan yang kedua – boleh. Saya sendiri dahulu sebagai seorang pegawai kerajaan saya telah mendapat kemudahan itu apabila naik pangkat. Jawapan kepada soalan yang pertama mengenai disentralisasi, sebenarnya sudah wujud disentralisasi ini. Misalnya, di dalam agensi-agensi seperti badan-badan berkanun – segala proses-proses pinjaman dilakukan oleh birokrasi badan-badan berkanun itu sendiri. Jadi pada tahap sekarang saya memikirkan bahawa kelambatan itu, jikalau berlaku ianya bukanlah disebabkan oleh sentralisasi tetapi disebabkan oleh lain-lain sebab seperti butir-butir yang tidak cukup dan soal-soal tanah, conversion tanah dan lain-lain lagi. Bukan soal sentralisasi – kalau ada kelambatan sekali-pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tuan Asmat bin Nungka.

(Soalan No. 15 – B. Tuan Asmat bin Nungka tidak hadir)

KESESAKAN LALU-LINTAS — KAJIAN MENGENAI KEMEROSOTAN PRODUKTIVITI

16. Dr. Tan Kee Kwong minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keadaan kesesakan lalu-lintas yang begitu serius di Kuala Lumpur.

- (a) adakah apa-apa kajian yang dilakukan untuk memastikan tentang kemerosotan produktiviti yang disebabkan oleh kesesakan lalu-lintas; dan
- (b) adakah kajian dibuat mengenai kesan yang memudaratkan kesihatan seperti darah tinggi dan sakit jantung.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia setakat ini tidak ada kajian khusus dilakukan untuk memastikan tentang kemerosotan produktiviti yang disebabkan oleh kesesakan lalu-lintas. Walau bagaimanapun kesesakan lalu-lintas yang berlaku di bandar-bandar besar termasuk bandar raya Kuala Lumpur mungkin boleh merendahkan tahap produktiviti kerja setiap individu yang terlibat. Menyedari hakikat ini kerajaan telah mengambil keputusan untuk melaksanakan beberapa projek pengangkutan awam untuk mengurangkan kesesakan lalu-lintas di bandar raya Kuala Lumpur – di antara lain termasuklah projek-projek utama yang berada dalam peringkat pelaksanaan iaitu Sistem Transit Laju Ringan, Sistem Monorel, Sistem Rel-Komuter dan landasan berkembar KTM.

Setakat ini tiada kajian secara langsung di Malaysia yang dilakukan mengenai kesan kesesakan lalu-lintas ke atas kesihatan. Walau bagaimanapun banyak kajian yang dibuat di negeri-negeri lain di luar negeri yang menunjukkan bahawa tekanan hidup atau stressful living condition, dengan izin, yang berpanjangan dan berterusan yang mungkin berpunca dari kesesakan lalu-lintas yang serius akan meningkatkan risiko seseorang mendapat berbagai penyakit terutama darah tinggi dan penyakit jantung koronari.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 9, 15 dan 17 hingga 92 dijilid dalam buku berasingan)

**RANG UNDANG-UNDANG
DI BAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) 1995; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pendidikan dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG
PERUBATAN (PINDAAN) 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perubatan 1971 bertajuk Akta Perubatan (Pindaan) 1985. Akta Perubatan 1991 bertujuan untuk mengawal amalan perubatan di negara ini. Akta ini memperuntukkan seseorang yang berkecualan mengamalkan perubatan di negara ini. Apa-apa penyiasatan, pemeriksaan atau perawatan ke atas pesakit-pesakit merupakan amalan perubatan dan ini termasuk latihan klinikal yang perlu dilalui oleh penuntut-penuntut perubatan.

Pada masa ini Akta ini hanya membenarkan penuntut-penuntut perubatan di universiti atau kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti

dan Kolej Universiti 1971 sahaja untuk menjalankan latihan klinikal di kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan yang diiktiraf di negara ini. Penuntut-penuntut tersebut disyaratkan menjalankan penyiasatan pemeriksaan ataupun rawatan ke atas pesakit di bawah kawalan dan penyeliaan pengamal-pengamal perubatan berdaftar agar keselamatan pesakit sentiasa terjamin. Kementerian ini mencadangkan Seksyen 34A Akta ini dipinda untuk meluaskan komposisi penuntut perubatan di negara ini. Dicapadangkan subseksyen 34A(1) dipinda dengan mengadakan perenggan baru (a) untuk mengekalkan peruntukan yang sedia ada bagi penuntut-penuntut perubatan di mana-mana universiti atau kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 menjalankan latihan klinikal mereka.

Perenggan baru (b) dicadangkan untuk maksud yang sama khusus bagi penuntut-penuntut perubatan di institusi pendidikan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Seterusnya cadangan pindaan sub-seksyen 34A(2) mensyaratkan bagaimana institusi pendidikan boleh dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Institusi pendidikan itu hendaklah didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1991 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran institusi pendidikan. Institusi pendidikan itu juga hendaklah bergabung dengan universiti-universiti yang diiktiraf dan dianugerahkan kelulusan yang diiktiraf oleh universiti induk Lembaga Perubatan Negara berkenaan dan Majlis Perubatan Malaysia dan merekalah yang akan dibenarkan untuk menjalankan kursus pengajian perubatan di negara ini. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan agar penuntut-penuntut

menerima latihan yang berkualiti dan graduan-graduan institusi berkenaan berpeluang untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang-bidang kepakaran di institusi-institusi luar negeri kelak.

Subseksyen 34A(3) yang dicadangkan adalah pindaan kepada sub-seksyen 34A(2) dan adalah untuk memastikan immuniti dari tindakan sivil ke atas kerugian kecederaan kerosakan yang dilakukan semasa aktiviti pengajian perubatan meliputi semua kemudahan-kemudahan kerajaan yang diluluskan sebagai tempat latihan klinikal. Walau bagaimanapun, hak pesakit untuk mengambil tindakan sivil terhadap penuntut, pekerja pegawai atau institusi pendidikan perubatan tidak terjejas. Kementerian mencadangkan Jadual Ketiga diadakan untuk menyenaraikan nama institusi-institusi pendidikan yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1991 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pendaftaran institusi pendidikan yang dibenar mengadakan kursus pengajian perubatan dan pembedahan di negara ini.

Subseksyen baru 34A(4) dicadangkan untuk memberi kuasa kepada Menteri meminda senarai institusi pendidikan di dalam Jadual Ketiga tersebut dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Perubatan 1971 yang disebutkan di atas adalah perlu dan tepat pada masanya supaya undang-undang untuk menambahkan peluang bagi penuntut-penuntut di negara ini mengikuti kursus pengajian perubatan yang berkualiti dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon supaya Rang Undang-

undang Akta Perubatan (Pindaan)1995 diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' M. Mahalingam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perubatan, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bayan Baru.

3.40 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 1995 untuk meminda Akta Perubatan 1971.

Dalam keghairahan kita membangunkan negara menjadi negara perusahaan menjelang tahun 2020, kita tidak harus mengabaikan kepentingan perlindungan kesihatan untuk rakyat jelata. Untuk memberikan perlindungan kesihatan yang secukupnya, negara kita perlulah menambahkan bilangan doktor di tanah air kita. Malaysia hanya mempunyai seorang doktor untuk setiap 2,400 orang penduduk sedangkan bagi negara membangun, kadarnya ialah seorang doktor kepada 500 orang penduduk.

Kerajaan kita perlu memandang berat keadaan ini kerana otak yang cergas terletak pada badan yang sihat. Kejayaan Wawasan 2020 bergantung

pada rakyat yang sihat dan cergas. Untuk mengatasi kekurangan doktor di negara kita, kita perlu banyak melatih rakyat untuk menceburi bidang perubatan. Universiti-universiti tempatan hanya menerima bilangan yang terhad untuk dilatih menjadi doktor, tidak cukup untuk menampung keperluan negara untuk memberikan perlindungan kesihatan kepada rakyat jelata.

Kaedah ini menjadi lebih runcing kerana kebanyakan universiti di seberang laut menutup pintu kepada penuntut-penuntut kita yang berhasrat menjadi doktor. Sekiranya universiti di seberang laut membuka pintu sedikit untuk penuntut-penuntut kita, kos pendidikannya cukup tinggi. Misalnya, untuk melatih seorang doktor di United Kingdom selama 5 tahun, kosnya dianggarkan sebanyak RM600,000. Walaupun kos untuk pendidikan perubatan di India amat rendah, namun penduduk dikehendaki membayar derma yang dikenali sebagai 'capitation', dengan izin, yang amat tinggi kepada pihak universiti.

Kos pendidikan yang begitu tinggi telah menyebabkan cita-cita hendak menjadi doktor kebanyakan penuntut terkubur begitu sahaja. Ini merupakan kerugian besar, bukan sahaja kepada penuntut berkenaan malahan juga kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Perubatan amat wajar untuk membenarkan institusi pengajian tinggi luar negara menubuhkan kolej perubatan atau mengadakan kursus berkembar pendidikan perubatan di negara ini seperti International Medical College di Petaling Jaya. Dengan tertubuhnya kolej perubatan di negara kita oleh institusi seberang laut, negara kita akan banyak menjimatkan pertukaran

wang asing yang bernilai berjuta-juta ringgit.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak faedah akan diperolehi jika penuntut-penuntut kita menuntut pendidikan perubatan di universiti atau kolej tempatan. Dengan tertubuhnya lebih banyak kolej perubatan di negara kita, maka taraf perlindungan kesihatan rakyat jelata akan dipertingkatkan. Selain itu, penuntut-penuntut kita lebih berpeluang menjadi doktor melalui kolej-kolej perubatan tempatan.

Berikutan ini, penyelidikan di bidang perubatan juga diperbanyakkan dan taraf kesihatan rakyat juga meningkat. Yang penting sekali, doktor-doktor pelatih di kolej-kolej perubatan tempatan akan diberi penekanan untuk penyakit-penyakit yang lumrah terdapat di Malaysia. Dengan ini, doktor-doktor yang terlatih itu lebih cekap dan peka kepada keperluan penyakit-penyakit tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya ingin menitik beratkan bahawa pelatih-pelatih yang mengikuti kursus pengajian perubatan atau pembedahan tidaklah boleh cuai. Apa-apa kesilapan yang dilakukan olehnya akan mengakibatkan pesakit menderita seumur hidup atas kecacatan ataupun kerosakan akibatnya. Oleh itu, adalah amat penting bagi seseorang yang memberi rawatan kepada pesakit mempunyai prihatin dan penuh keyakinan semasa menjalankan tugasnya.

Di samping itu, institusi-institusi perubatan perlu mengadakan satu sistem untuk memastikan pelatih-pelatihnya mempunyai kualiti yang tinggi dan 'attitude' yang positif demi memberi perkhidmatan yang boleh meyakinkan orang ramai.

Saya mencadangkan juga bahawa institusi-institusi perubatan berkenaan mengadakan satu sistem kawalan yang ketat untuk mencegah kecuaiannya pelatih-pelatih. Ini disebabkan mereka tidak lagi diberikan apa-apa 'immunity' daripada apa-apa 'liability' di bawah subseksyen 34A (3).

Pada keseluruhannya, kerajaan perlu menggalakkan penubuhan kolej perubatan baik sebagai kampus cawangan universiti seberang laut mahupun atas dasar mengadakan kursus berkembar bagi melatih doktor yang lebih banyak dalam memberikan perlindungan kesihatan yang lebih baik dan menyeluruh kepada rakyat jelata secocok dengan kedudukan negara kita sebagai negara membangun menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 1995. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kubang Kerian.

3.46 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian): Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkas saya ingin menimbulkan beberapa soalan tentang akta ini untuk penjelasan kita dan juga rakyat. Sekarang ini pelajar-pelajar kita di universiti tempatan misalnya pelajar UKM menggunakan kemudahan General Hospital Kuala Lumpur, USM menggunakan kemudahan hospital kerajaan di Kubang Kerian. Begitulah juga Universiti Malaya dengan Hospital Universiti.

Jadi, semasa mereka membuat latihan, mereka juga merawat pesakit-pesakit dan menggunakan segala

peralatan hospital yang dimiliki oleh kerajaan dan sudah tentu ianya datang dari wang rakyat. Selepas mereka tamat mendapat ijazah doktor diakui dan mereka ini terpaksa berkhidmat beberapa tahun sebelum mereka dibenarkan membuka klinik swasta dan sebagainya.

Saya ingin bertanya tentang bagaimana pula pelajar-pelajar daripada kolej-kolej swasta misalnya daripada International Medical College yang mereka ini misalnya membuat latihan ataupun menggunakan 'facilities' kerajaan untuk membuat latihan kedokteran dan setelah mereka tamat mendapat doktor nanti, apakah sumbangan mereka dalam bentuk pulangan kepada kerajaan dan kepada rakyat? Adakah mereka perlu membayar 'certain amount' kepada hospital ataupun perkhidmatan tertentu dikenakan supaya pulangan wang yang mereka gunakan dalam pengajian itu dapat kepada universiti, hospital kerajaan ataupun dapat balik kepada rakyat? Ini adalah soalan yang ditimbulkan juga oleh doktor-doktor kerajaan sekarang ini.

Mereka kata, "Kami kena berkhidmat semula" dan mereka bimbang nanti doktor-doktor dari kolej-kolej swasta ini, mereka menggunakan 'facilities' kerajaan, kemudian mereka 'graduate' dan mereka tidak perlu mencurahkan khidmat dan mereka dapat ijazah kemudian mereka boleh buka klinik sendiri. Jadi, persoalan ini banyak juga ditanya oleh kawan-kawan saya yang terdiri dari doktor-doktor kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini, bila berlaku sesuatu kecuaiannya, selalu kita dengar seorang doktor ada yang tertinggal gunting dalam perut, ada yang terpotong jari kanak-

kanak ketika membuat operasi dan macam-macam perkara kecuiaan.

Sekarang ini pihak pesakit boleh sue ataupun boleh dakwa doktor tersebut dan hospitalnya sekali gus. Sekarang ini, dengan pindaan ini, kita lihat bahawa hospital-hospital kerajaan ini tidak boleh didakwa lagi, tetapi pendakwaan dibuat kepada kolej tersebut.

Soalnya, pesakit selama ini mengetahui bahawa mereka berhak mendakwa pihak hospital dan juga mereka mendakwa pihak yang merawat. Jadi, perubahan ini hendaklah diberitahu kepada pesakit – mesti diberitahu kepada pesakit itu. Setiap doktor atau pelajar yang datang merawat pesakit nanti mesti diberitahu dengan jelas kepada pesakit bahawa yang merawat kamu ini daripada kolej swasta ataupun daripada kolej perubatan tertentu supaya mereka mengetahui lebih awal – bila berlaku sesuatu, mereka tahu mereka hendak mendakwa siapa.

Sebab kalau tidak diberitahu kepada pesakit, dia hanya hendak mendapatkan rawatan, kadangkalanya berlaku kesilapan, terutama sekali orang-orang desa, dia tidak tahu hendak sue siapa. Dia tidak tahu hendak mendakwa siapa. Jadi, perkara ini perlu diperjelaskan kepada para pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, selalunya, kalau kita berada di Hospital Universiti dan sebagainya, setiap pelatih itu pergi merawat kita, maka dibantu oleh seorang yang bertaraf pakar. Jadi, ini sudah menjadi amalan-amalan biasa. Amalan-amalan ini perlu diperketatkan lagi sebab kadangkalanya kita dapati, apabila kita berada di hospital di mana para pelajar membuat training di situ, selalunya confidence kita itu

agak kurang kerana di sebelah malam misalnya, doktor-doktor tidak datang; yang datang hanyalah para pelatih ini.

Perlu dibina confidence sebab salah satu penyakit itu boleh hilang, di antaranya kerana ubat; yang keduanya ialah confidence. Jadi, kalau confidence daripada pesakit itu tidak ada, maka penyakitnya boleh lambat sembuh. Jadi, perkara ini perlu diperketatkan lagi di hospital-hospital supaya kadangkalanya kita dirawat ataupun ditinggalkan kepada pelatih-pelatih yang baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya pesakit yang dirawat oleh kakitangan hospital ataupun oleh mereka yang datang daripada International Medical College, kalau terjadi sesuatu, sedangkan waktu terjadi itu ia hanya dilakukan oleh jururawat sahaja. Misalnya, seorang jururawat telah melakukan sesuatu dan doktor pelatih ini tidak ada – jururawat seorang dan kalau berlaku sesuatu perkara, adakah pihak hospital boleh bertanggungjawab, sedangkan jururawat itu berada di bawah doktor pelatih daripada International Medical College swasta.

Jadi, ini perlu juga diperjelaskan sebab nanti bila sesuatu berlaku, pihak hospital tidak bertanggungjawab kerana pesakit hanya dirawat oleh seorang jururawat, sedangkan seorang pelajar tadi, seorang yang datang daripada International Medical College swasta tadi tidak ada di situ. Jadi, adakah pada waktu itu hospital bertanggungjawab terhadap pesakit?

Perkara-perkara ini perlu dijelaskan kerana kita bukanlah menentang akta ini, tetapi kita minta penjelasan kerana kita bimbang perkara-perkara seperti ini, pihak pesakit tidak faham dan menjadi susah kepada mereka.

Begitulah juga, penjelasan perlu diberi tentang kemudahan yang diberi oleh hospital – kepada pelajar-pelajar memang kita galakkan untuk mereka mendapatkan Ijazah Kedoktoran dan private college ini juga, saya ingin bertanya sekali lagi, setelah mereka menggunakan peralatan hospital kerajaan ini, apakah sumbangan mereka selepas itu?

Sumbangan kepada hospital, sumbangan kepada rakyat dan sumbangan kepada wang rakyat. Semua ini perlu diperjelaskan supaya nanti tidak berlaku pergeseran antara pelajar dari universiti yang ada dengan pelajar International Medical College, misalnya International Medical College yang ada sekarang ini yang ketuanya ialah Wakil Rakyat dari Wangsa Maju.

Jadi, persoalan-persoalan ini perlu diperjelaskan kepada kami sekalian. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Lumut.

3.55 ptg.

Dr. Yap Yit Thong (Lumut):
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perubatan (Pindaan) 1995.

Terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan amnya dan kepada Kementerian Kesihatan khususnya kerana telah berjaya mengemukakan Akta Perubatan (Pindaan) 1995 untuk dibentang.

Oleh kerana terdapat kekurangan doktor di negara kita, kerajaan telah membuat keputusan untuk menambah bilangan kolej perubatan di rantau ini. Di antara langkah-langkah yang telah

diambil termasuklah, menggalakkan penubuhan kolej perubatan swasta di bawah program twinning.

Kursus perubatan mengambil masa selama 6 tahun dan di bawah program twinning yang telah diperkenalkan, terdapat kolej perubatan yang memerlukan pelajar-pelajarnya menjalani pembelajaran untuk 3 tahun yang pertama di negara ini dan 3 tahun lagi di luar negeri. Sebaliknya terdapat juga kolej yang memerlukan pelajar-pelajarnya menjalani pembelajaran di luar negeri untuk 3 tahun yang pertama dan 3 tahun yang seterusnya dijalankan dalam negara ini.

Pada pandangan saya, pembelajaran adalah lebih berkesan kalau penuntut-penuntut menjalani kursus pada 3 tahun yang akhir di negara kita sebab mereka boleh mendapat peluang memahami penyakit-penyakit tempatan seperti malaria atau denggue fever yang tidak berlaku di negara asing seperti di United Kingdom dan Australia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui bidang perubatan melibatkan nyawa manusia. Oleh yang demikian, pelajar-pelajarnya dikehendaki menjalani latihan klinikal di sebuah teaching hospital, dengan izin. Pada tahun klinikal, pelajar-pelajar diajar cara penyiasatan, pemeriksaan dan perawatan pesakit. Pengajaran dan pembelajaran seperti ini mesti dijalankan di sebuah hospital.

Sehubungan dengan ini, kolej perubatan swasta perlu menggunakan kemudahan-kemudahan di hospital kerajaan kerana ianya tidak mempunyai sebarang hospital. Maka, untuk memastikan bahawa kolej ini mempunyai peluang menggunakan kemudahan-kemudahan perubatan tersebut,

pindaan harus dibuat kepada Akta Perubatan supaya sebuah hospital besar yang sesuai boleh digazetkan sebagai teaching hospital, yang boleh digunakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Langkah seperti ini akan memberi jaminan bahawa penuntut-penuntut kolej tersebut dapat peluang menggunakan kemudahan sebuah hospital.

Kita semua mengetahui bahawa seseorang guru mesti mendapat latihannya di sebuah kolej perguruan dan seseorang jurutera di sebuah institusi teknik. Lebih-lebih lagi, seseorang doktor mesti mendapat latihannya di sebuah teaching hospital kerana hospital tersebut sahaja yang boleh memberi peluang kepada seorang penuntut perubatan berinteraksi dengan pesakit.

Sebuah hospital sahaja yang boleh memberi peluang kepada seseorang penuntut untuk memperolehi good beside manners, dengan izin, untuk belajar etika profesional yang betul serta membolehkan dia memahami penderitaan seseorang pesakit supaya dia boleh menunjukkan perasaan kasih sayang.

Pendek kata, satu kursus pengajian perubatan tidak jadi lengkap dan sempurna kalau institusi yang menawarkan kursus tersebut tidak dikaitkan dengan sebuah teaching hospital.

Tuan Yang di-Pertua, di kolej swasta International Medical College (IMC) di PJ, yuran untuk kursus perubatan bagi tiga tahun yang pertama adalah sebanyak RM110,000. Kos ini adalah tinggi dan orang kaya sahaja yang mampu menghantar anak mereka untuk kursus tersebut. Kita berharap yuran ini bolehlah dikawalkan supaya

lebih penuntut-penuntut yang layak dapat peluang memasuki kolej ini.

Selain daripada itu, kos rawatan perubatan mesti dikawal juga. Sehubungan dengan ini saya ingin mengemukakan satu isu berkenaan rawatan untuk penyakit batuk. Pada masa dulu, ubat batuk mengandungi kodein telah dijual dalam botol yang bersaiz 3.6 liter. Kodein ialah satu substance yang addictive dan selalu digunakan oleh penagih dadah. Oleh sebab kadangkala terdapat penyalahgunaan oleh farmasi atau doktor menjual ubat ini kepada penagih dadah, kerajaan telah memutuskan bahawa semua ubat batuk yang mengandungi kodein mesti dijual dalam botol yang bersaiz 2 aun atau 4 aun. Alasan-alasan bagi tindakan kerajaan ialah untuk mencegah salah guna oleh farmasi atau doktor. Kerajaan berharap tindakan seperti ini akan mengurangkan bilangan penagih dadah yang akan membeli ubat tersebut dari doktor atau farmasi.

Di sini saya ingin tanya adakah bilangan penagih dadah yang menggunakan ubat batuk tersebut berkurangan disebabkan oleh tindakan kerajaan. Oleh sebab tindakan kerajaan yang memerlukan ubat batuk tersebut dijual di dalam botol yang lebih kecil, harga ubat batuk tersebut telah dinaikkan kepada beberapa peratus. Sebelum itu harga 1 aun ubat ini ialah 50 sen satu aun dibandingkan dengan harga sekarang RM1.45 seaun. Ini bermakna harga sudah naik sebanyak 200%. Akibatnya pesakit-pesakit terpaksa membayar kos rawatan yang lebih tinggi iaitu lebih kurang RM2 sampai RM3 untuk setiap rawatan. Kenapa pengeluar ubat batuk menggunakan peluang ini untuk menaikkan harga ubat tersebut sebanyak 200%?

Ini tidak sejajar dengan polisi inflasi sifar dan adakah betul dan adil untuk orang ramai memikul kos rawatan tambahan kerana kesalahan oleh dengan izin, a few black sheeps.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dengan sukacita saya menyokong penuh pindaan kepada Akta Perubatan 1971 dan mencadangkan Rang Undang-undang ini diterima supaya masalah kekurangan doktor di negara kita dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang di depan. Yang wanita. Paritkah? Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan bahawa perbahasan ini harus ditumpukan kepada Rang Undang-undang yang ada dan bukan bercerita tentang perubatan keseluruhannya untuk menjimatkan masa. Sila.

4.05 ptg.

Puan Ainon Khairiyah binti Mohd. Abas (Parit): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan kerana membenteng Rang Undang-undang yang menghala ke arah peningkatan kualiti dan bidang perkhidmatan perubatan dan kesihatan.

Tadi ada disebutkan bahawa salah satu daripada tujuannya ialah untuk meningkatkan kualiti pengamal-pengamal perubatan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini untuk menyentuh sedikit tentang doktor-doktor yang menjalankan latihan. Semasa menjalankan pemeriksaan khususnya untuk tujuan kajian, saya rasa telah terdapat kes-kes di mana doktor-doktor atau profesor dan pelatih-pelatih yang

kadangkala tidak sensitif terhadap pesakit. Saya berpendapat bahawa profesor dan pelatih-pelatih ini harus sensitif kepada perasaan pesakit dan salah satu cara untuk menunjukkan rasa sensitif mereka itu ialah dengan menggunakan bahasa pengajaran, bahasa pembelajaran dan komunikasi yang sepatutnya dapat difahami oleh pesakit-pesakit yang sedang dikaji oleh pelatih-pelatih ini.

Dalam hal ini, medical jargon yang biasanya digunakan oleh pelatih-pelatih ini haruslah diselang-seli dengan bahasa-bahasa harian kerana sudahlah pesakit ini diperiksa dan dijadikan bahan tontonan oleh puluhan biji mata, kini pemeriksa-pemeriksa pula bertutur dalam bahasa yang tidak difahami. Ini menambahkan lagi ketegangan perasaan pesakit. Oleh itu, adalah diharapkan pada masa yang akan datang semua pertuturan di hadapan pesakit berkaitan dengan kajian pemeriksaan pesakit itu mestilah di dalam bahasa Melayu yang rata-rata mudah difahami oleh rakyat di negara kita ini. Lagipun pelatih-pelatih ini kesudahannya akan bekerja di hospital-hospital dan di klinik-klinik di negara kita ini di mana bahasa kebangsaan kita ialah bahasa Melayu ataupun bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebut oleh rakan saya Yang Berhormat dari Bayan Baru kalau tidak silap saya, berkenaan dengan kekurangan bilangan pengamal-pengamal perubatan ataupun doktor di kalangan kita rakyat Malaysia ini. Saya ingin menyentuh sedikit dalam hal ini dengan memberi dua saranan.

Saranan yang pertama ialah saya rasakan bahawa Kementerian Kesihatan harus ada penyelarasan dengan Kementerian Pendidikan dan

juga dengan agensi-agensi lain yang boleh membantu dalam melatih ataupun membekal doktor-doktor yang akan bertugas di negara kita ini. Pada masa ini kita dapati bahawa kekurangan bilangan doktor ini amat kritikal. Oleh sebab itu, adalah saya rasa wajar kalau di peringkat sekolah menengah lagi kita cuba salurkan murid-murid ini ke arah pengajian sains yang berkaitan dengan perubatan seperti apa yang dibuat oleh misalnya agensi MARA yang mengadakan Maktab Rendah Sains MARA di mana anak-anak daripada sekolah rendah lagi telah cuba disalurkan kepada bidang-bidang pengkhususan perniagaan (business), undang-undang dan juga perakaunan dan sebagainya.

Satu lagi saranan saya ialah tentang perkhidmatan wajib yang dikenakan kepada doktor-doktor yang telah tamat latihan. Saya difahamkan bahawa doktor-doktor ini diwajibkan memberi perkhidmatan selama tiga tahun. Jadi, oleh sebab sebagaimana yang saya kata tadi terdapat keadaan yang kritikal dalam bidang doktor kita di Malaysia ini, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Kesihatan menimbangkan untuk menaikkan bilangan khidmat wajib ini kepada lima tahun sebagai contoh.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pertambahan bilangan pengamal perubatan, saya ingin di sini untuk mengutarakan rasa bimbang saya di atas ketidakcukupan pengamal perubatan wanita dan juga jururawat di hospital-hospital kita. Saya berpendapat bahawa bilangan-bilangan doktor wanita ini harus ditambah terutamanya dalam bidang sakit puan. Kebelakangan ini kita sering berhadapan dengan kes-kes pencabulan kehormatan pesakit. Dari doktor

lelakinya hingga ke atendan lelaki, mencabul kehormatan sudah tidak asing lagi.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan kata gadis-gadis sahaja, makmak nenek pun sudah mula rasa bimbang dan enggan sekiranya mereka ini diperiksa oleh doktor-doktor lelaki oleh kerana baru-baru ini ada terdapat siaran dalam akhbar tentang kes-kes pencabulan kehormatan yang telah disiarkan.

Jadi, rasa saya satu cara untuk mengurangkan rasa takut ini ialah untuk menambahkan lagi bilangan doktor-doktor wanita di kalangan doktor-doktor yang menjadi pengamal perubatan di negara kita. Saya tidaklah mengatakan bahawa semua doktor lelaki ini mempraktikkan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Cuma apa yang saya utarakan di sini ialah kes-kes yang disebut di akhbar-akhbar sama ada di dalam atau pun di luar negeri sentiasa mempamerkan bahawa kes-kes itu melibatkan doktor-doktor lelaki dan tidak pernah melibatkan doktor-doktor wanita.

Jadi, oleh sebab itu, saya rasa sebagai tanda terima kasih kerajaan kepada pengundi-pengundi wanita yang merupakan lebih daripada 5% pengundi di negara kita ini adalah baik dari sekarang ini kita merangka atau menggubal satu perancangan supaya lebih banyak lagi murid-murid sekolah kita dari peringkat sekolah menengah hinggalah ke peringkat kolej disalurkan di dalam bidang perubatan untuk menambahkan lagi jumlah doktor-doktor wanita di kalangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang saya ingin sebut dalam kita hendak mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perubatan

di negara kita. Saya rasa buat masa ini hospital-hospital kerajaan yang besar-besar banyak didapati di bandar-bandar utama sedangkan di kawasan-kawasan luar bandar hanya dibina pusat-pusat kesihatan ataupun hospital kecil sahaja. Saya rasa sudah tibalah masanya bahawa hospital-hospital kecil di daerah-daerah ini dinaikkan tarafnya kepada hospital-hospital yang lebih tinggi lagi. Ini kerana terdapat tempat-tempat di luar bandar ini terdapat banyak jenis penyakit yang saya rasa sukar didapati di hospital-hospital di kawasan-kawasan bandar.

Sebagai contoh, dekat dengan kampung saya mungkin ada sejenis penyakit seperti penyakit untut yang boleh dibuat kajian oleh pakar-pakar perubatan. Tetapi penyakit-penyakit jenis ini mungkin sukar didapati di tempat-tempat ataupun di bandar-bandar besar. Jadi, kalaulah hospital-hospital ini, hospital-hospital kecil misalnya hospital kecil di kawasan saya yang bernama Hospital Kecil Changkat Melintang dapat dinaikkan tarafnya ia akan dapat memberi perkhidmatan kepada orang-orang kampung yang sangat-sangat memerlukan rawatan.

Saya dapati bahawa rata-rata hospital-hospital kecil di kawasan-kawasan bandar ini susah hendak dinaikkan taraf hospital itu sendiri kerana kekurangan doktor. Oleh sebab kita dapati ada kekurangan doktor di sini, maka doktor juga diperlukan di kawasan-kawasan bandar dan sekiranya ada pilihan, maka kawasan-kawasan bandarlah yang dijadikan tumpuan oleh para-para doktor.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja yang ingin saya utarakan. Saya mohon menyokong apa yang

dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Telok Kemang.

4.14 ptg.

Dr. L. Krishnan (Telok Kemang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang ini untuk saya berbahas di Dewan yang mulia ini mengenai pindaan kepada Akta Perubatan 1971. Saya menyokong penuh pindaan tersebut dan ingin menambahkan beberapa pendapat saya mengenai isu berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini memang terdapat kekurangan doktor ataupun pengamal perubatan yang bertauliah di negara kita. Ratio doktor:penduduk di negara ini adalah dengan kadar seorang doktor untuk 2,400 orang penduduk. Keadaan ini adalah amat tinggi jika kita bandingkan dengan ratio negara-negara membangun yang lain. Di klinik pesakit luar dan poliklinik kerajaan, seorang doktor terpaksa merawat sehingga 100 dan lebih orang pesakit tiap-tiap hari. Bagaimanakah kita boleh mengharapkan doktor-doktor yang sentiasa sibuk ini dapat memberikan perhatian dan perkhidmatan yang selengkap-lengkapnya terhadap pesakit-pesakit tersebut. Lagi pun masih terdapat klinik-klinik kerajaan di kawasan luar bandar yang tidak ada doktor kerana kekurangan bilangan doktor di negara kita. Di kawasan-kawasan tersebut rakyat tidak dapat menikmati kemudahan kesihatan yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, macam manakah mengatasi masalah ini?

Saya rasa gembira dan syukur kerana kerajaan telah meluluskan program-program kembar dalam bidang perubatan, contohnya, seperti International Medical College. Program-program seperti ini akan dapat membantu kita untuk menambahkan bilangan doktor bertauliah di negara kita. Ini juga akan menjadikan pendidikan perubatan sebagai sebahagian daripada sistem pasaran pendidikan (commodity market) di negara ini. Dengan ini, saya berharap kerajaan akan dapat meluluskan lebih banyak lagi kolej dan universiti luar, membuka kolej-kolej perubatan di negara kita. Seperti yang saya tahu parti MIC pun berminat dan sedang berusaha untuk membantu membuka sebuah kolej perubatan seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai masalah kerumitan yang dihadapi oleh doktor-doktor perempuan luar negeri yang berkahwin serta bermastautin di Malaysia. Mereka menghadapi berbagai masalah dan halangan daripada Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan untuk memasuki perkhidmatan perubatan kerajaan. Mereka juga menghadapi masalah dalam memperolehi status warganegara atau penghuni tetap dan oleh kerana itu mereka terpaksa bekerja hanya sebagai doktor kontrak sahaja. Ini adalah amat merugikan kita, lebih-lebih lagi ini adalah memeranjatkan kita kerana kita tahu bahawa negara kita menghadapi kekurangan doktor dan juga berlaku kekurangan doktor pakar kerana brain-drain, dengan izin, yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kementerian-kementerian berkenaan yang terlibat akan mengatur langkah-langkah sewajar dan perlu untuk

meneliti perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Ini akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan kesihatan di negara kita yang akan dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat secara menyeluruh di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya sekali lagi menyokong penuh pindaan kepada Akta Perubatan 1971 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Kemaman.

4.19 ptg.

Dr. Ramli bin Taib (Kemaman):
Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 1995 ini yang bertujuan untuk menambah bilangan institut atau kolej yang boleh mengeluarkan lebih ramai graduan-graduan perubatan. Ini sedikit-sebanyak dapat menampung kekurangan doktor yang amat ketara terutama di hospital-hospital kerajaan masa kini.

Saya amat mengalu-alukan langkah kerajaan ini dan kita berharap lebih banyak lagi institut atau kolej swasta yang akan mengikut jejak langkah International Medical College ini. Persoalannya, apakah bahasa penghantar yang akan digunakan? Siapakah dan dari manakah pensyarah-pensyarah yang akan diambil? Dimanakah penuntut-penuntut ini akan mendapat latihan amali dan apakah syllabus yang akan digunakan? Faktor-faktor yang saya sebutkan ini sedikit sebanyak akan menentukan kualiti graduan yang akan dihasilkan. Penuntut-penuntut ini mestilah mendapat latihan

dan pendedahan amali yang mencukupi di samping tunjuk ajar dari pensyarah yang berkaliber bagi menghasilkan graduan yang betul-betul berkualiti dan kompeten.

Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada ketiga-tiga universiti tempatan yang telah dapat menghasilkan graduan yang betul-betul berkaliber dan berharap pencapaian ini akan terus dipertahankan.

Setakat ini negara kita hanya dapat menghasilkan lebih kurang 400 orang doktor dari ketiga-tiga universiti tempatan dan 200 orang doktor dari universiti luar negara. Angka ini amatlah kecil, jika kerajaan berhasrat untuk mencapai matlamat 'doctor-population ratio' 1:1,000 penduduk dalam tahun 2000. Saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak fakulti perubatan di universiti tempatan yang lain?

Tuan Yang di-Pertua, dalam melakukan amali atau practical penuntut-penuntut ini sudah tentulah akan melakukan kesilapan dan ada kalanya boleh mengakibatkan kecederaan yang teruk kepada pesakit. Mengikut subseksyen:

"34A(3) mana-mana hospital atau klinik, pusat kesihatan yang dikendalikan oleh kerajaan tidak bertanggungjawab ke atas kecederaan dan kerosakan yang dilakukan oleh penuntut perubatan ini."

Jadi, persoalannya siapakah yang lebih bertanggungjawab sama ada penuntut, pensyarah atau kolej itu sendiri dan bagaimana pulakah penuntut-penuntut yang ada di universiti-universiti tempatan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang sering kita bangkitkan, kerajaan menghadapi masalah kekurangan doktor akibat dari pertambahan penduduk, tuntutan perkhidmatan yang meningkat dan penghijrahan doktor ke sektor swasta. Sektor swasta tidak dapat dinafikan dapat memberi ganjaran yang berlipat ganda dibandingkan dengan perkhidmatan kerajaan.

Adalah dianggarkan bahawa lebih 300 orang doktor bersara dari perkhidmatan kerajaan pada setiap tahun ataupun lebih kurang seorang setiap hari. Kalau perkara ini berterusan apakah akan terjadi kepada perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan? Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini? Adakah kerajaan bercadang untuk memanjangkan tempoh perkhidmatan wajib ataupun kerajaan bercadang untuk memberi lebih inisiatif kepada doktor-doktor yang ada sekarang? Kita sedar kerajaan tidak akan dapat menandingi ganjaran daripada pihak swasta, tetapi setidaknya-tidaknya mereka ini dibayar setimpal dengan pengorbanan mereka.

Saya difahamkan kerajaan telah pun memberi elaun lebih masa kepada doktor-doktor 'on-call' di hospital-hospital, tetapi tidak di pusat-pusat kesihatan. Dengan ini, saya mencadangkan supaya doktor di pejabat kesihatan dan pusat-pusat kesihatan juga diberi ganjaran atau elaun yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor ini diburukkan lagi dengan ketidakseimbangan taburan doktor di hospital di bandar-bandar dan luar bandar. Apa yang saya ingin menarik

perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kesesakan, mutu perkhidmatan dan perkhidmatan doktor pakar di Hospital Daerah Kemaman. Kemaman merupakan daerah yang pesat membangun dengan industri yang berasaskan petroleum dan gas dan industri berat yang lain termasuk kilang besi waja, chemical dan cat. Dengan kehadiran kilang-kilang ini, maka pertumbuhan penduduk sememangnya tinggi termasuk penghijrahan buruh-buruh dan expatriate dari luar negara. Justeru itu, tuntutan perkhidmatan kesihatan turut meningkat. Penambahan jumlah pesakit, kes-kes kecemasan dari kilang-kilang dan juga pesakit perbidanan dan sakit puan memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap. Ini tidak dapat diberikan oleh hospital ini kerana ketiadaan doktor-doktor pakar dan dewan bedah.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya menempatkan doktor-doktor pakar dengan seberapa segera, terutama dalam bidang pembedahan, perbidanan dan sakit puan dan perubatan. Saya kira Hospital Daerah Kemaman ini sudah tiba masanya untuk dinaikkan taraf dengan kemudahan yang lebih baik seperti ICU dan dewan bedah sejajar dengan perkembangan pesat dalam bidang ekonomi dan perindustrian yang berlaku di negara ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan untuk menambahkan bilangan doktor dalam jangka pendek dengan mengambil doktor kontrak dari India, Pakistan, Myanmar, Bangladesh dan Indonesia adalah dialu-alukan. Tetapi apa yang saya ingin menarik perhatian kementerian ialah kebolehan doktor-doktor ini berkomunikasi dengan pesakit-pesakit terutama sekali di luar-

luar bandar - memang susah, Tuan Yang di-Pertua. Setengah-setengahnya hanya tahu dua atau tiga patah perkataan dalam Bahasa Malaysia. Yang dia tahu "Apa sakit, ada berak?" itu sahaja. Kadang-kadang sakit pinggang, sakit dada pun ditanya "Ada berak?" Jadi macam manakah doktor-doktor ini hendak menasihati pesakit-pesakit ataupun memahami aduan-aduan atau komplain daripada pesakit terutama sekali dari luar bandar yang mempunyai loghat-loghat yang lebih pekat. Kita tahu, kita boleh guna penterjemah, tetapi selalunya terjemahan ini kurang tepat. Jadi, saya ingin cadangkan supaya doktor-doktor ini diberi sedikit-sebanyak kursus dalam Bahasa Malaysia atau mengambil lebih ramai doktor dari Indonesia umpamanya.

Seperkara lagi saya difahamkan, masih banyak lagi kuota untuk doktor kontrak ini tidak diisikan dan saya hendak bertanya kenapa kuota ini tidak dapat diisikan?

Tuan Yang di-Pertua, tiga hari yang lepas pihak Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan tiga badan profesional iaitu Persatuan Perubatan Malaysia, Persatuan Pergigian Malaysia dan Persatuan Farmasi Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman Penguatkuasaan Piagam Pesakit (Patients' Charter). Piagam hak pesakit ini antara lain bertujuan untuk menyedarkan pesakit tentang hak dan juga tanggungjawab sebagai pesakit dan boleh memberi garis panduan tentang hak dan tanggungjawab penjagaan kesihatan, memilih rawatan, pendidikan kesihatan dan juga membuat rujukan jika mahu mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai perubatan yang melanggar

Kod Etika Perubatan. Kerana kita tahu sejak akhir-akhir ini banyak berita-berita yang tidak disenangi, umpamanya, doktor yang memeriksa tempat-tempat yang tidak sepatutnya diperiksa. Saya tidak tahu betapa seriuskah kes-kes ini, kerana saya hanya membaca dalam suratkhbar. Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa banyakkah kes-kes sedemikian, berapa seriuskah kes-kes ini dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil?

Saya mengalu-alukan piagam ini, tetapi perlulah diingatkan bahawa ianya bukanlah satu legal document, dengan izin, tetapi hanyalah satu educational document, iaitu dokumen yang boleh memberi kesedaran kepada pesakit dan juga doktor kerana perkara ini memang sudah sedia ada dalam Kod Etika Kedokteran.

Kita tidak mahu ada yang mengambil kesempatan daripada piagam ini ataupun yang tersalah tafsir. Umpamanya, dua hari yang lepas saya ada menonton televisyen di mana Presiden FOMCA sendiri telah membuat ulasan yang mengatakan kalau pesakit datang dengan sakit tangan, doktor harus hanya memeriksa tangan – ini adalah tidak betul. Saya berpendapat doktor yang memeriksa pada masa itu sahajalah yang tahu apa yang perlu diperiksa dan apa yang tidak perlu diperiksa. Tetapi yang pentingnya ialah doktor harus mendapat consent ataupun persetujuan dari pesakit tersebut terutama pesakit-pesakit wanita dan mestilah ada chaperon, dengan izin, ataupun dengan kehadiran pembantu perempuan sebelum melakukan pemeriksaan fizikal ataupun rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan adanya piagam hak pesakit ini pesakit-pesakit dan doktor-doktor akan lebih mengetahui dan sedar akan hak-hak dan tanggungjawab masing-masing.

Saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong.

4.31 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pindaan ke atas Akta Perubatan 1991, maka bermula satu era baru di negara ini untuk mengadakan kolej perubatan swasta yang dikembarkan dengan universiti-universiti yang diiktirafkan dalam Jadual Kedua Akta tersebut.

Sekarang lebih 220 buah kolej perubatan di seluruh dunia yang diiktiraf oleh kerajaan dan kolej-kolej perubatan yang berkembar ataupun ada kait-mengait dengan lebih 220 buah universiti atau kolej ini dapatlah dimasukkan di dalam warta Jadual Ketiga. Walau bagaimanapun, saya suka membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan usaha kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan juga swasta untuk menambahkan latihan ke atas pelajar untuk bidang perubatan.

Yang pertamanya, saya tidak begitu faham mengapa hanya International Medical College sahaja yang dimasukkan di dalam Jadual baru ini, Jadual Ketiga senarai institusi pendidikan. Saya difahamkan ada Penang Medical College dan di Ipoh pun ada satu dan lebih daripada tiga saya difahamkan untuk institusi-institusi seperti ini. Tetapi hanya IMC dimasukkan

di dalamnya. Apakah sebabnya? ini menjadikan kolej yang pertama. Walau bagaimanapun, inilah satu langkah yang betul untuk memperbetulkan keadaan sekarang. Setahu saya kita kekurangan lebih 1,000 doktor di seluruh negara, itupun tidak kira nisbah yang diharap-harapkan nisbah di antara doktor dengan penduduk yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi 1:1,000. Itu yang diharapkan tetapi sekarang 1 dalam lebih 2,000 dan kekurangan doktor pakar lebih 300 terutamanya dalam pembedahan general surgery, paediatric, radiographic, diagnostic dan anesthesiology di dalam bidang telinga, hidung dan tekak (ENT) serta orthopaedic.

Saya pun pernah membangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini, lebih satu dekad cara-cara untuk memperbaiki keadaan. Walaupun ada usaha diambil oleh pihak kementerian tetapi usaha ini tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat mengadakan pakar, doktor ataupun jururawat-jururawat – kita kurang lebih 3,000 orang sekarang – daripada negara-negara asing itu tidak memuaskan. Suatu keadaan yang tidak memuaskan kerana timbul masalah-masalah bahasa, masalah kualiti doktor dan sebagainya. Walaupun ada interview dan sebagainya, kita tidak boleh pasti semuanya dalam tahap atau kualiti yang tinggi. Sebab itulah saya mengalu-alukan langkah untuk memperbaiki keadaan dengan melatih pelajar dengan sendiri.

Saya juga menarik perhatian kepada usaha untuk menambahkan pelajar ini UNIMAS (Universiti Sarawak) pun adalah satu era baru dan 30 pelajar

telah pun diambil untuk kursus perubatan. Itu satu langkah yang baik dan juga di Universiti Islam Antarabangsa saya diberitahu ada 60 pelajar telah pun diambil untuk mengikuti di kursus perubatan yang baru. Ini bermakna kita sekarang ada 5 buah kolej, 5 buah universiti yang mempunyai kursus perubatan. Ini ada satu kemajuan yang baik supaya kita dapat menambahkan doktor-doktor dan doktor pakar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi ada menyebutkan bilangan yang diperlukan untuk negara ini dan di dalam Jadual-jadualnya hanya lebih 220 kolej perubatan diiktirafkan. Tahun yang lepas pihak kementerian telah mengumumkan bahawa Jawatankuasa Penilaian Kelayakan di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah pun mula menilai ijazah-ijazah daripada universiti-universiti negara asing termasuk di Taiwan. Saya tidak tahulah sama ada penilaian ini sudah pun disiapkan dan rombongan dihantar ke negara-negara yang berkenaan terutamanya di Taiwan kerana kita mempunyai banyak doktor daripada Taiwan yang berkhidmat di negara ini. Sebahagian besarnya telah pun diiktirafkan kerana ia ada memenuhi syarat-syarat yang tertentu. Saya berharap Yang Berhormat boleh jawab juga mengenai Jadual ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengadakan institusi pendidikan perubatan swasta secara sistem kembar, kita mesti mengadakan kemudahan-kemudahan yang lengkap di negara ini dan juga kita mesti hantar pelajar-pelajar sekurang-kurangnya dua tahun ke negara asing. Misalnya, Penang Medical College yang sudah pun menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU) di antara Bakat

Impressive Sdn. Bhd. dengan Royal College of Surgeon, Ireland dan selepas tandatangan ini mereka akan mengadakan satu Penang Medical College di State College. Salah satu pemegang saham itu untuk PMC ini ialah Penang Development Corporation.

Saya pun rasa gembiralah kalau ini dapat dijalankan. Setakat ini saya diberitahu bahawa 40 pelajar pun telah diambil untuk bermula kursus pada September tahun depan. Pelajar-pelajar ini mesti mengikuti kursus di Dublin, Ireland dahulu, Royal College of Surgeon di Ireland untuk dua tahun. Ini bermakna kos tinggi juga untuk dua tahun yang pertama, kemudian tiga tahun di Hospital Besar Pulau Pinang dan lain-lain hospital di sekitar Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menekankan di sini, seperti mana di kelima-lima buah universiti kerajaan dan juga sekarang lebih tiga buah kolej perubatan swasta sistem kembar, satu perkara mesti ditekankan. Di dalam pengambilan pelajar-pelajar ini, iaitu kualiti pelajar yang diambil untuk mengikuti kursus perubatan. Sebagai seorang doktor, saya mempercayai, besar kepercayaan saya kepada hampir semua doktor yang berkualiti tinggi, tetapi ada segelintir yang kualitinya kurang. Ada segelintir, kerana 'gading mana yang tak retak'. Di bidang perubatan pun ada segelintir yang tidak memenuhi kualiti yang diharapkan.

Dengan perkembangan kemajuan masyarakat, memang hasrat dan kehendak orang ramai semakin hari semakin tinggi, dia hendak doktor yang lebih baik. Kalau hendak doktor yang lebih baik, pengambilan pelajar-pelajar untuk semua institusi yang saya sebutkan ini kita mesti pilih dengan

baik. Bukan sahaja kalau dia dapat markah yang tinggi itu cukup, itu tidak cukup. Ia boleh dapat markah tinggi, tetapi boleh lulus dalam kursus perubatan lima tahun. Bukan begitu susah hendak luluskan, asalkan ada tahap yang tertentu, dia boleh lulus. Tetapi tidak semestinya yang lulus kursus-kursus itu yang sesuai untuk menjadi doktor, kerana mungkin dia tidak mempunyai elemen kemanusiaan untuk menjaga pesakit, mungkin tidak.

Sebab itulah saya mencadangkan supaya sistem baru diadakan untuk semua institusi perubatan supaya kita pilih hanya yang sesuai, bukan yang mempunyai markah tinggi sahaja, tetapi yang sesuai untuk mengikuti kursus ini. Sebenarnya di beberapa kolej dan universiti seberang laut, pada beberapa tahun ini mereka sudah pun bermula dengan sistem yang baru untuk mengambil pelajar yang sesuai. Itu yang pertamanya.

Di dalam hal kos, seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, memang beratus-ratus ribu ringgit diperlukan untuk seseorang pelajar di seberang laut. Di negara ini pun dengan kolej-kolej ini akan dikorporatkan, yuran akan naik beberapa kali ganda, hampir 7% pun ada naik. Ini bermakna kos pun akan melambung. Bagi perubatan, kos memang tinggi. Setahu saya yang paling tinggi di dalam kursus-kursus di universiti dan di institusi pengajian tinggi yang lain, yang paling tingginya ialah kursus perubatan. Saya cadangkan bahawa kerajaan adakan satu kajian dengan maksud untuk mengurangkan kos ini di negara kita sendiri. Bagaimana pihak kerajaan dapat memberi bantuan ataupun menjimatkan kos bagi setiap pelajar

yang diambil untuk mengikuti kursus perubatan. Satu kajian perlu dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai latihan ke atas semua pelajar ini memang bukan sahaja kita boleh tambahkan kepada 400 doktor setahun. Kita boleh meningkat kepada 600 atau 800 doktor setahun untuk memenuhi keperluan negara. Dengan hal yang demikian, kita mesti mempertimbangkan bagaimana tempoh khidmat wajib dapat dimansuhkan. Kerana saya tidak nampak, hanya dengan bidang perubatan sahaja, pengamal perubatan terpaksa pada mulanya berkhidmat dua tahun.

Saya pun ada pernah melalui kursus atau memenuhi kewajipan. Sekarang ini tambah kepada tiga tahun. Ada seorang Ahli Yang Berhormat mencadangkan hendak tambah kepada lima tahun. Saya cadangkan Yang Berhormat ini berbincang dengan saya di luar, kalau boleh, sebab dia tak begitu faham. Ini satu-satunya profesional yang terpaksa berkhidmat secara wajib tiga tahun. Itu pun tak cukup, nak tambah lagi. Di dalam kursus perubatan sudah lima tahun – satu tahun doktor latihan housemanship, enam tahun. Tambah tiga tahun lagi, jadi sembilan tahun. Itu tak cukup lagi. Dia nak tambahkan dua tahun lagi, macam mana! Sebagai seorang Yang Berhormat, kita mesti bertanggungjawab.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Kepong, saya rasa kedoktoran ini satu bidang yang saya kira istimewa. Apakah apabila Yang Berhormat kata

kalau boleh dihapuskan khidmat wajib dua tahun ini, Yang Berhormat tak banggakah berkhidmat untuk rakyat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berbangga, tetapi dibuat dengan sukarela. Saya masuk di dalam askar untuk dua tahun, tetapi saya rela. Saya pilih pergi ke Terendak, Tenggera dan sebagainya. Tetapi di dalam usaha kita menjadikan negara ini negara maju, kalau ada kemajuan, kalau hendak maju, fikiran kita pun hendak maju juga. Kalau fikiran itu terbalik, songsong dan songsang, tak payah kita hendak maju, itu bukan satu kemajuan.

Dengan adanya lebih banyak institusi perubatan termasuk swasta – sistem berkembar, ini bermakna kita dapat melatih dengan lebih banyak doktor, maka tidak lama lagi kita boleh membatalkan khidmat wajib. Saya hairan jugalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menganggap doktor sahaja yang mesti berkhidmat secara wajib, kalau sukarela tidak boleh.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, dia bangun.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi iaitu profesion doktor ini istimewa. Jadi, Ahli Yang Berhormat tidak fikirkah yang Ahli Yang Berhormat sebagai seorang doktor itu, menganggotai satu profesion yang istimewa? Bukan saya kata 'suruh paksa' – tidak – 'istimewa'.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju profesion ini istimewa, bukan

sahaja bidang perubatan, jurutera pun istimewa, peguam pun istimewa juga, semua istimewa belakalah kerana umat Adam ini kita memerlukan keistimewaan belaka. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak dikategorikan di dalam keistimewaan, dia pun saya takut ada cemburu, hasad dengki dan sebagainya, susahlah kita iri hati seperti itu. (*Ketawa*) Kita mestilah menjaga perasaan dia juga.

Saya berharap Kementerian Kesihatan mempunyai satu tempoh jadual untuk dengan beransur-ansur, dengan tujuan untuk memansuhkan tempoh khidmat wajib pada masa hadapan apabila bilangan doktor sudah bertambah dengan lebih banyak dan kualiti pun lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha kita untuk mengadakan lebih banyak institusi dan lebih banyak pelajar untuk mengikuti kursus perubatan yang merupakan satu lagi langkah yang baik, kita mesti berhati-hati mengenai standard, kualiti.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya ijazah di Universiti Malaya diiktiraf oleh British Medical Council (Majlis Perubatan British), ini salah satu majlis yang termasyhur di dunia. Tetapi pada beberapa tahun yang lepas kerana faktor-faktor yang tertentu termasuk kakitangan mengajar yang tidak cukup, pengiktirafan ini telah pun ditarik balik.

Saya berpendapat kalau lebih banyak negara, lebih banyak institusi termasuk British Medical Council mengiktiraf ijazah Malaysia, itu satu gejala yang baik, ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita mengikuti kursus ataupun bekerja di negara-

negara asing untuk mendapat pengalaman, tetapi kalau kita membenarkan keadaan di mana institusi seperti British Medical Council menarik pengiktirafannya ke atas Ijazah Sarjana Perubatan Malaya – ini satu perkara yang tak baik untuk negara ini, walhal kita berikhtiar untuk menjadikan negara ini pusat pendidikan cemerlang bukan sahaja di rantau ini, saya berharap, bahkan di seluruh dunia. Itu yang dicita-citakan, kalau itulah cita-cita kita, kita mesti memastikan ijazah di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, UNIMAS, Universiti Islam Antarabangsa dan juga semua institusi swasta ini dapat diiktirafkan oleh sebanyak institusi seberang laut mungkin termasuk British Medical Council – itu caranya.

Saya hendak mengetahui sama ada Ijazah Sarjana Perubatan di Universiti Malaya sudah pulih diterima balik oleh British Medical Council kerana dalam dua tiga tahun ini, saya seringkali membangkitkan masalah ini dan saya diberitahu usaha pun telah diambil, dibuat untuk menambahkan kakitangan dan untuk meninggikan kualiti kursus ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat pendekkan ucapan kerana kita banyak rang undang-undang yang perlu diselesaikan dalam masa beberapa hari sahaja?

Dr. Tan Seng Giew: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua mengenai masalah terlalu banyak rang undang-undang yang dibentangkan. Walau bagaimanapun, ini satu perkara yang penting untuk sama-sama kita menyelesaikan masalah ...

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya beri Yang Berhormat lima minit lagi.

Dr. Tan Seng Giew: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat telah berucap selama setengah jam, jadi saya tidak dapat memberi lebih lama lagi daripada itu Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giew: Ya, setengah jam, oh cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada Ahli Yang Berhormat yang lain hendak berucap pula.

Dr. Tan Seng Giew: Baik saya akan mengulung. Saya memang akur kepada keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Ya, tadi saya ada mencadangkan beberapa cadangan iaitu mengenai keperluan untuk mengadakan kualiti yang tinggi dan di dalam semua institusi ini dan tempoh khidmat wajib, kita mesti ada satu jadual untuk memansuhkan apabila bilangan doktor bertambah dengan lebih banyak dan mengenai semua ijazah termasuk daripada Taiwan, pihak kerajaan pun sudah berjanji untuk menilai dan saya hendak tahulah keputusan penilaian ini, di manakah ijazah-ijazah baru yang akan diiktirafkan termasuk di Taiwan dan juga saya ada mencadangkan satu kajian dibuat oleh pihak kerajaan untuk semua yang terlibat dengan institusi ini dan mesti kita ada satu sistem yang baru untuk mengambil pelajar-pelajar yang lebih sesuai mengikuti kursus-kursus institusi pengajian swasta secara berkembar ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya hanya dapat memberi kepada seorang lagi, dari Sipitang, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menjawab. Minta maaf, kita banyak lagi rang undang-undang yang perlu diselesaikan, kita terpaksa menjimatkan masa sedikit. Sipitang.

4.58 ptg.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob (Sipitang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan dalam membahaskan Akta Perubatan pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang pada masa ini keperluan perkhidmatan perubatan di negara kita begitu mendesak terutama sekali di negeri Sabah, di mana di kawasan-kawasan luar bandar memerlukan perkhidmatan yang sebaik mungkin. Di kawasan luar bandar masih lagi kekurangan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan di mana terdapat kekurangan infrastruktur, perubatan dan kesihatan dan juga kakitangan. Misalnya, di kawasan saya di mana satu hospital baru dibina iaitu Hospital Nukleus yang pada masa ini masih belum dapat beroperasi di mana tidak ada cukup pegawai perubatan dan juga kakitangan sokongan yang lain. Saya ingin meminta penjelasan dan keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, bilakah perkara ini dapat diatasi dan apakah langkah-langkah untuk mengatasi untuk mempercepatkan operasi sepenuhnya hospital tersebut.

Hospital ini nampaknya menjadi satu bangunan yang menjadi kebanggaan kita tetapi belum boleh

memberi khidmat kepada penduduk-penduduk di sekitarnya. Saya ingin menyarankan kepada Kementerian agar.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau boleh ucapan itu ditumpukan kepada Rang Undang-undang sahaja.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih. Saya ingin menyarankan kepada Timbalan Menteri agar perkara ini dapat diambil tindakan segera.

Berbalik kepada Rang Undang-undang, memang kita perlukan suatu perubahan atau pun satu Rang Undang-undang yang menyeluruh untuk negara kita. Mengenai dengan pengambilan doktor-doktor perubatan, saya setuju bahawa ia perlulah disegerakan dan dipercepatkan agar masalah kekurangan kakitangan perubatan seperti doktor-doktor di negara kita ini dapat diatasi dengan segera. Saya tidaklah ingin mengambil masa yang panjang dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Timbalan Menteri menjawab.

5.02 ptg.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pertanyaan dan sokongan terhadap apa yang telah berbangkit dan mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 1991. Menggulung pindaan kepada Seksyen 34A ini yang digubal dengan teliti di mana kualiti

dan kepentingan penuntut adalah diutamakan, jadi, mengenai pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru, tentang cadangan untuk menambahkan bilangan doktor, ini telah menjadi satu perkara yang umum dan seperti Yang Berhormat sedia maklum di samping membenarkan kolej perubatan swasta yang di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan mengadakan kursus perubatan secara berkembar.

Langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan bilangan doktor di seluruh negara ialah dengan menambahkan bilangan penuntut-penuntut jurusan perubatan di universiti tempatan, menghantar pelajar-pelajar mengikut kursus-kursus perubatan di luar negara, menubuhkan fakulti perubatan di UNIMAS dan UIA sebagai tambahan kepada Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia serta menggalakkan doktor untuk terus berkhidmat dengan kerajaan melalui kemudahan seperti hadiah latihan, cuti belajar serta memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan.

Ahli dari Bayan Baru juga membangkitkan tentang persoalan mengenai pelatih atau penuntut yang dikatakan cuai. Ingin saya maklumkan di sini bahawa mereka setiap kali mengadakan latihan amali, mestilah dikehendaki menjalankan latihan itu di bawah arahan, kawalan dan penyeliaan pengamal perubatan berdaftar penuh yang memegang suatu perakuan pengamalan tahunan. Jadi, perkara-perkara yang mereka laksanakan pun adalah di bawah arahan dan kawalan yang rapi serta yang dilakukan atau latihan amali yang dilaksanakan oleh

mereka adalah perkara-perkara seperti mengambil riwayat pesakit dan penyakit, memeriksa wad ujian darah di atas arahan pengamal perubatan atau doktor dan setiap perkara yang dilakukan sebenarnya sentiasa di bawah kawal seliaan seorang doktor. Jadi, tiada pernah dilakukan oleh mereka dengan cara persendirian.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kubang Kerian mengenai sumbangan penuntut IMC atau kolej swasta selepas keluar, mereka ini diperlukan menjalankan perkhidmatan wajib untuk tempoh tidak kurang dari 3 tahun, sama seperti pelajar-pelajar lain dan kalau dikatakan bahawa kecuaiannya itu berlaku, kerajaan memang tidak akan bertanggungjawab kerana kecuaiannya penuntut ini kerana kerajaan hanya memberi kemudahannya seperti hospital bagi digunakan untuk latihan amali. Penuntut universiti atau kolej perubatan swasta diminta mengenal pasti diri mereka sebagai pelatih dan ini juga diberitahu dikaunter semasa mendaftar pesakit untuk mengenal pasti siapa di kalangan mereka adalah pelatih yang menjalankan latihan amali.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian juga mengatakan sekiranya berlaku kecuaiannya dan jururawat sahaja yang ada bersama doktor, sama ada jururawat boleh dipertanggungjawabkan ke atas kecuaiannya tersebut. Sebenarnya mengikut peraturan yang disediakan, di antara kolej-kolej perubatan dan pihak hospital kerajaan seseorang penuntut tidak dibenarkan memberi arahan mengenai rawatan seseorang pesakit. Penuntut hanya dikehendaki memeriksa pesakit di bawah pengawasan dan penyeliaan pengajarnya

dan pengajar serta institusi perubatan berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas tindakan penuntut tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Lumut dalam menyentuh perkara berkenaan dengan pindaan supaya hospital diwartakan sebagai tuisyen hospital, di bawah peruntukan yang sedia ada Menteri Kesihatan bolehewartakan hospital, klinik dan pusat kesihatan digunakan untuk latihan amali dan ini memang dilakukan sekarang di mana kemudahan hospital digunakan oleh Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan. Mengenai bayaran yang dikenakan oleh IMC (International Medical College), ini adalah di bawah kawalan IMC sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Parit membangkitkan tentang perkhidmatan wajib untuk tempoh 5 tahun. Kalau mengikut di bawah Undang-undang Akta Perubatan 1991 tempoh hendaklah tidak kurang daripada 3 tahun, walaupun dalam keadaan sekarang adalah dirasakan sudah sesuai dan bertepatan tetapi cadangan ini boleh dikaji semula sekiranya keadaan memerlukan. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Batang Lupa bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan. Saya juga mempunyai pandangan iaitu compulsory service ataupun peringkat latihan doktor ini dipanjangkan. Bukanlah kita hendak

mendenda doktor itu supaya bekerja lama sangat dengan kerajaan, tetapi oleh kerana kita hendak memberi latihan yang lebih panjang lagi, walau pun latihan doktor sudah cukup panjang di universiti, tetapi dari segi pengalaman, tidak semuanya boleh di pelajari di universiti.

Jadi, saya banyak menerima laporan dan cerita-cerita walaupun ada fakta-fakta yang betul, tetap dan nyata, umpamanya orang dari kawasan saya pergi ke sebuah hospital swasta di Kuching untuk mendapatkan rawatan "suffering the gangrene" ataupun 'infection'. Jadi, bila sampai ke sana dan selepas dua minggu duduk di hospital dia diberitahu bahawa kakinya terpaksa dipotong - itu cara sahajalah untuk menyelamatkan dia daripada maut. Jadi, dia kata biarlah saya mati dahulu sebelum dipotong kaki, tetapi keluarganya merasa tidak sesuai untuk berfikir begitu dan dibawa ke hospital Singapura. Dalam masa 2 minggu dia kembali ke rumahnya dan saya berjumpa dengan dia sendiri dan saya dapati semua sakitnya telah baik.

Jadi, pandangan masyarakat dan keluarga orang ini mengatakan bahawa hospital kita kurang bermutu dan tidak mempunyai pegawai-pegawai dan doktor yang cekap. Oleh itulah, maka nama Hospital Singapura itu meningkat. Jadi, orang ramai suka pergi ke Singapura daripada pergi ke hospital swasta pun di negeri kita sendiri. Mungkin ini berbangkit dari doktor-doktor yang belum berpengalaman yang tidak mempunyai pengalaman yang cukup. Jadi, latihan itu patut dipanjangkan di samping memberi perkhidmatan menerusi bimbingan yang ada di hospital-hospital kerajaan. Jadi, macam manakah pandangan Timbalan Menteri?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji

Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita ada pandangan yang pro dan kontra kepada keperluan untuk memanjangkan perkhidmatan wajib ini. Walau bagaimanapun, kita prihatin dengan tuntutan yang diminta kepada para petugas ataupun para pengamal perubatan yang diwajibkan untuk bertugas di hospital kerajaan dengan perkhidmatan kerajaan memandangkan kepada keperluan dan tanggungjawab kerajaan untuk memberi perkhidmatan rawatan kepada semua mengikut dasar kita.

Oleh kerana kita juga mempunyai satu sistem perkhidmatan industri swasta yang juga berkembang pesat, yang juga digalakkan sebagai pilihan terbuka kepada rakyat yang mampu, maka ini sudah menimbulkan satu keadaan yang paradoks pada kerajaan. Jadi, dengan demikian, walaupun kita harus terus memahami tanggungjawab dan bebanan kerajaan yang akan terus mempertahankan perkhidmatan rawatan yang diperlukan untuk mendapat rawatan wajib daripada pengamal perubatan, tetapi untuk memberi pertimbangan sama ada perlu dipanjangkan atau dilanjutkan, perlulah kita mengkaji dengan lebih mendalam untuk prihatin kepada keperluan mereka ini yang merasakan mereka juga harus mendapat satu kesediaan ataupun sikap 'voluntary'. Kalau tidak, mungkin juga boleh menjejaskan perkhidmatan perubatan kita.

Menyambung semula perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman mengenai langkah-langkah mengatasi kekurangan doktor. Langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan doktor seperti yang telah saya katakan tadi, termasuk juga memberi insentif seperti kenaikan

elaun pakar dan elaun kritikal, memberi elaun tugas khas atas panggilan, menambahkan peluang kenaikan pangkat dengan menambahkan jawatan-jawatan Gred U1 ke atas, mengkaji kemungkinan membenarkan 'limited private practice', dengan izin, pengambilan semula pakar-pakar yang telah bersara untuk berkhidmat secara kontrak, mengambil pakar-pakar warganegara asing sebagai doktor kontrak untuk menampung kekurangan sementara sebagai tindakan jangka pendek.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemaman berkenaan siapakah yang lebih bertanggungjawab untuk kecuaiannya; penuntut, pensyarah atau kolej? Sebenarnya di sisi undang-undang, kesemua adalah bertanggungjawab tetapi kita difahamkan bahawa kolej akan menyediakan satu 'insurance coverage', dengan izin, untuk penuntut dan pensyarahnya.

Berkenaan dengan pertanyaan mengenai Kolej IMC, apakah bahasa pengantarnya? Saya kurang periksa, saya rasa bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris dan pensyarah-pensyarahnya datang dari negara Malaysia dan luar negara dan latihan amalinya dilaksanakan di hospital Seremban, Port Dickson dan Pusat-pusat Kesihatan Nilai, Linggi dan yang berdekatan di Seremban.

Ingin saya memaklumkan bahawa International Medical College adalah bergabung dengan institusi yang berikut di negara-negara Great Britain antaranya adalah University Aberdeen, Scotland; University Glasgow, Scotland dan beberapa lagi universiti di Republik Ireland, National University of Ireland, universiti di Kanada; University

Alberta Edmonton di antara lain dan oleh yang demikian, kurikulumnya mestilah berkaitan dengan kurikulum yang terdapat di institusi ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kemaman bertanyakan tentang elaun bertugas atas panggilan untuk doktor di pusat-pusat kesihatan dan perkhidmatan doktor pakar di Kemaman. Kementerian sebenarnya menyokong supaya Elaun Atas Panggilan diberi kepada doktor yang menjalankan tugas atas panggilan dan perkara yang dibangkitkan sedang diberi perhatian.

Mengikut perancangan, Hospital Kemaman adalah di antara salah satu hospital yang akan ditempatkan pakar dan rancangan ini mengambil masa kerana pengeluaran pakar adalah kurang dari perancangannya. Pada masa ini, pesakit-pesakit di Kemaman yang memerlukan perkhidmatan pakar adalah dirujuk kepada hospital di Kuala Terengganu ataupun hospital di Kuantan.

Mengenai Piagam Pelanggan dan juga persoalan-persoalan yang berkaitan seperti masalah pencabulan dan sebagainya, piagam ini adalah baru dimeteri dan di bawah bidang kuasa Persatuan Perubatan Malaysia dan ianya bertujuan untuk melindungi pesakit-pesakit supaya pesakit-pesakit berhak mendapat rawatan yang diperlukan, berhak menolak rawatan jika ia fikirkan tidak memerlukan rawatan itu, berhak mendapat maklumat-maklumat jika dia memerlukan dan beberapa jaminan yang diberi di bawah piagam ini tetapi perkara maklumat yang lain yang diminta mengenai pencabulan ini, kita belum dapat pastikan setakat ini.

Masalah komunikasi di antara doktor kontrak dengan pesakit,

kementerian sebenarnya berusaha memastikan supaya doktor-doktor kontrak dari luar negara yang diambil berkhidmat sekurang-kurangnya boleh bertutur dalam bahasa Inggeris. Masalah komunikasi dalam Bahasa Malaysia boleh diatasi dengan bantuan kakitangan lain seperti jururawat dan sebagainya.

Pengambilan doktor kontrak yang kurang dari kuota. Sebenarnya pengambilan doktor kontrak dari luar negara adalah langkah sementara untuk mengatasi masalah kekurangan doktor. Kementerian memberi perhatian kepada kualiti doktor berkenaan dan bukan semata-mata mengambil seberapa banyak yang boleh mengikut kuota.

Ahli Yang Berhormat dari Parit bertanya tentang hospital kecil supaya dapat dinaikkan taraf. Sebenarnya kementerian peka tentang masalah yang dihadapi. Kementerian memang ada merancang untuk menambah hospital dan mempertingkatkan taraf hospital perubatan di seluruh negara. Penambahan dan peningkatan ini bergantung kepada keperluan dari segi masalah perubatan penduduk tempatan, jarak dengan hospital terdekat, bilangan kakitangan yang memenuhi, yang mencukupi untuk ditempatkan di hospital-hospital baru.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong bertanya mengapakah IMC sahaja atau International Medical College, ASEAN Medical College dan sebagainya sebenarnya masih lagi belum mendapat pendaftaran di bawah Akta Pendidikan. Pihak dari institusi ini sebenarnya masih mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kesihatan dan sekiranya semuanya selesai, nama-nama institusi ini boleh

juga turut dimasukkan ke dalam Jadual Ketiga.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga bertanya tentang bilangan institusi yang diiktiraf di Jadual Kedua kurang dan perlu ditambahkan. Kementerian sebenarnya sedang mengambil tindakan untuk menambah bilangan institusi perubatan yang diiktiraf di dalam Jadual Kedua ini. Di antara langkah-langkah ini termasuklah menghantar rombongan ke luar negeri untuk menilai kolej dan universiti tersebut dari segi kualiti pendidikan dan faktor-faktor yang diambil kira termasuklah kelulusan tenaga pengajar, ratio pengajar dan pelajar, kemudahan-kemudahan yang disediakan, pengiktirafan dari segi 'international standing' dan sebagainya.

Berkenaan dengan....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Jawapan itu adalah baik juga. Walau bagaimanapun, adakah pihak kementerian menghantar rombongan ke negara-negara seperti Taiwan untuk maksud yang disebutkan tadi? Adakah pernah hantar? Kalau ada, apakah keputusannya?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya kira ada, Yang Berhormat, tetapi keputusannya belum ada lagi.

Berkenaan dengan cadangan perkhidmatan wajib dimansuhkan. Perkhidmatan wajib masih diperlukan.

oleh negara ini kerana hospital-hospital kerajaan masih menghadapi kekurangan doktor. Seperti yang saya sebutkan tadi, sedangkan kita ada perkhidmatan wajib pun kita masih menghadapi kesuntukan doktor-doktor dan kepentingan dan manfaat yang dihadapi oleh perkhidmatan daripada doktor-doktor yang perlu menjalankan perkhidmatan yang wajib ini, tidak lain dan tidak bukan adalah mereka kebanyakannya dari kalangan yang pertengahan atau yang susah.

Jadi, oleh kerana kita seperti yang saya maklumkan, masih mempertahankan supaya kerajaan dapat terus memberi perhatian kepada perkhidmatan kepada semua dan khusus kepada yang kurang bernasib baik terpaksa kita mewajibkan seterusnya perkhidmatan ini sehingga satu masa apabila kita mungkin tidak memerlukan lagi. Saya tidak tahu bilakah. Kerana pada 1hb. Ogos 1995....

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun pula, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak maklumkan tentang jawatan kekosongan tadi saya ingat ada kaitannya, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya tidak hendak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak, sila teruskan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Pada 1hb Ogos 1995, terdapat 34% jawatan Pegawai Perubatan yang masih tidak dapat diisi, iaitu sebanyak 2,448 kekosongan jawatan lagi. Jadi, ini jelas menampakkan bahawa keadaan kita adalah kritikal dan kita memerlukan keprihatinan daripada semua pihak dan....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan tentang soalan kekosongan ini. Saya pernah menyebut persoalan pentadbir hospital. Saya pernah menyarankan iaitu pentadbir hospital perlu diberi kepada pegawai-pegawai awam yang bukan mempunyai degree ataupun Ijazah Kedokteran ataupun pegawai pentadbir biasa, bukan menggunakan doktor supaya doktor yang ada di hospital boleh digunakan di bidang kesihatan ataupun perubatan sahaja. Jadi, tidak keciciran anggota doktor yang ada di hospital-hospital yang besar dan kecil. Jadi, macam manakah pandangan kerajaan atau kementerian tentang persoalan menggunakan pegawai biasa menjadi pentadbir dan doktor semua berkhidmat di wad-wad yang tertentu?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu kita sedang dalam proses kerana kementerian juga sedang dalam proses meneliti beberapa penyusunan semula dalam strategi untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan di antara kita dan

mengambil kira tentang bagaimana untuk meringankan bebanan tugas-tugas doktor yang diasingkan daripada tugas-tugas pengurusan di dalam hospital-hospital dan institusi kesihatan kerajaan.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sipitang itu, kita akan ambil perhatian dan pada keseluruhannya, saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih atas pertanyaan, pandangan dan juga sokongan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, pindaan kepada seksyen 34A ini adalah digubal dengan teliti di mana kualiti pendidikan dan kepentingan penuntut adalah diutamakan, manakala keselamatan pesakit dipelihara.

Hanya institusi pendidikan yang boleh membuktikan keupayaan untuk memberi pendidikan yang berkualiti sahaja yang akan dibenarkan untuk dimasukkan ke dalam Jadual Ketiga.

Di samping itu, institusi berkenaan akan dikehendaki menganugerahkan satu kelulusan yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan negara berkenaan dan Majlis Perubatan negara ini. Dengan ini, kualiti pendidikan yang diberikan perlulah memenuhi kehendak majlis-majlis berkenaan.

Selain daripada itu, institusi-institusi tersebut akan diawasi oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan Majlis Perubatan Malaysia. Dengan adanya pindaan ini, penuntut institusi perubatan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga akan dapat menjalani latihan amali mereka di negara ini.

Pertambahan bilangan penuntut perubatan akan menambahkan lagi

bilangan doktor di negara ini yang masih kurang. Secara tidak langsung, ia akan mengeratkan lagi hubungan di antara sektor awam dan sektor swasta selain daripada mendekatkan matlamat negara untuk menjadi satu pusat kecemerlangan pendidikan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 -

5.24 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal (2) (b):

“(b) ia bergabung dengan mana-mana institusi yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual Kedua bagi maksud memberikan kepada penuntut institusi pendidikan itu kelayakan yang dinyatakan yang terdapat berseparatan dengan institusi itu.”

Tuan Pengerusi, saya setuju bahawa kita mesti memastikan semua institusi yang dimasukkan di dalam Jadual

Ketiga ini adalah mempunyai standard yang tinggi kerana kita hendak doktor yang baik, bukan sahaja yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Batang Lumar, yang mengatakan "kerana ada tempoh wajib sahaja, kualiti itu boleh ditinggikan". Itu satu fikiran yang tidak baik. Kualiti daripada latihan, daripada institusi, bukan kerana ada perkhidmatan wajib. Itu satu hukuman.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, sekiranya ada institusi yang tidak bergabung dengan institusi di Jadual Kedua, institusi ini mempunyai standard yang tinggi. Mengapa institusi seperti ini tidak boleh masuk di dalam Jadual Ketiga? Saya pun hairan juga.

Kalau institusi ini mempunyai standard yang tinggi, tetapi tidak bergabung dengan institusi di dalam Jadual Kedua, kita mesti beri satu peluang untuk dimasukkan di dalam Jadual Ketiga.

Di dalam menggubalkan Rang Undang-undang ini, ada prejudis sedikit. Pihak Kementerian menganggap, kecuali orang yang bergabung dengan institusi tersebut, semua tidak layak – semua yang tidak mempunyai standard. Ini satu anggapan yang tidak tepat. Saya berharap pihak Yang Berhormat dapat menerangkan mengapa kita ada syarat yang begitu prejudis?

5.26 ptg.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat, kita cuma mempunyai Jadual Ketiga kerana Jadual Ketiga ini memenuhi kriteria yang mesti mendapat pendaftaran di bawah Akta Pendidikan 1961 dan ia bergabung dengan institusi dalam Jadual Kedua.

Tetapi kalau dirasakan ada institusi yang boleh ditambah dalam Jadual Ketiga, sebenarnya itulah yang membuatkan supaya Menteri boleh meminda Jadual Ketiga melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Itu yang kita membuat pindaan itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Di dalam fasal ini, ia terang-terang mengatakan;

"Bagi maksud perenggan (1)(b), tiada institusi pendidikan boleh dinyatakan dalam Jadual Ketiga melainkan jika (a) dan (b) dipenuhi".

Ini terang-terang! Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak benar! Kalau tidak memenuhi kedua-dua syarat ini, tak boleh dimasukkan di dalam Jadual Ketiga. Tuan Pengerusi memang memahami keadaan yang disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Itu sudah menjadi satu keperluan, Yang Berhormat. Jadi, terpaksa kita mengikut apa yang diterangkan dalam Akta ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sekiranya institusi ini tidak memenuhi syarat yang kedua di sini, memang ia mempunyai standard yang tinggi. Mengapa institusi ini tidak boleh dimasukkan di dalam Jadual Ketiga? Saya pun hairan juga! Jadi, adakah cadangan Yang Berhormat ini sudah terlalu lewat dan mengadakan satu syarat lagi – (c) untuk institusi-institusi seperti ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila. Dah Habis?

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA 1995

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini membahaskan satu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Penjara 1995 bagi bacaan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Ong Ka Ting: Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggantikan ketiga-tiga Ordinan Penjara yang dipakai pada masa ini iaitu Ordinan Penjara 1952 bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Penjara Sabah 1956 dan Ordinan Penjara Sarawak 1956. Ketiga-tiga ordinan itu telah digubal sebelum merdeka dan undang-undang tersebut masih terpakai sehingga hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini perlu digubal berasaskan kepada beberapa faktor berikut:

- (i) Untuk mewujudkan keseragaman undang-undang kepenjaraan bagi seluruh Malaysia. Ini adalah kerana terdapat beberapa peruntukan yang tidak seragam di dalam ordinan-ordinan penjara tersebut

sama ada dari segi undang-undang, kuasa penempatan banduan dan lain-lain. Undang-undang penjara yang dicadangkan ini diyakini dapat memperingkatkan kelicinan pentadbiran Jabatan Penjara keseluruhannya.

- (ii) Rang Undang-undang ini juga adalah untuk memasukkan peruntukan-peruntukan yang sesuai dengan keadaan semasa. Ketiga-tiga Ordinan Penjara yang diterima pakai pada hari ini telah digubal sebelum negara mencapai kemerdekaan. Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk mengemaskinikan penalti di dalam undang-undang yang sedia ada.
- (iii) Cadangan Rang Undang-undang Penjara ini juga adalah untuk menyesuaikan dengan prinsip-prinsip kebebasan asasi terutama dari segi layanan kepada banduan dengan mengambil kira fungsi penjara sekarang yang lebih menekankan kepada pemulihan banduan. Rang Undang-undang Penjara 1995 yang dicadangkan ini meliputi lapan bahagian yang mengandungi sebanyak 68 fasal dan 3 jadual.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan penjelasan secara umum terhadap bahagian-bahagian dalam Rang Undang-undang Penjara ini iaitu seperti berikut:

Bahagian I mengandungi dua fasal yang menghuraikan perkara-perkara permulaan seperti tafsiran perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Rang Undang-undang.

Bahagian II mempunyai tujuh fasal menghuraikan tentang penubuhan dan pentadbiran penjara.

Fasal 3 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana bangunan, kepungan atau tempat atau mana-mana bahagiannya sebagai penjara.

Fasal 4 menjelaskan lagi takrif takat penjara yang meliputi perkarangan dan bangunan dalam kepungan penjara dan perkarangan terbuka atau perkarangan lain yang dipunyai oleh Jabatan Penjara.

Fasal 6 pula memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Penjara untuk mengasingkan penjara bagi mengkategorikan banduan bagi tujuan untuk menjalankan pemulihan terhadap banduan.

Fasal 8 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dengan persetujuan Menteri mengisytiharkan sesuatu tempat sebagai penjara sementara bagi tempoh tertentu apabila bilangan banduan dalam sesuatu penjara adalah lebih ramai daripada yang sepatutnya atau sekiranya meletus sesuatu penyakit dalam penjara atau bagi apa-apa sebab yang lain.

Fasal 9 pula menjelaskan bidang kuasa Ketua Pengarah Penjara berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan penjara termasuk penetapan dan pertukaran pegawai-pegawai penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi 16 fasal yang meng-

huraikan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan pegawai.

Fasal 10 mengadakan peruntukan untuk membolehkan Yang di-Pertua Agong melantik Ketua Pengarah Penjara Malaysia. Timbalan Ketua Pengarah Penjara hendaklah dilantik daripada pegawai penjara. Pangkat Pegawai Kanan dan Pegawai Rendah Penjara adalah dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 11 pula menjelaskan bahawa semasa ketiadaan dan ketakupayaan Ketua Pengarah Penjara, fungsi Ketua Pengarah Penjara akan dijalankan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penjara.

Fasal 13 menjelaskan tentang tugas-tugas Ketua Pengarah Penjara.

Fasal 15 menjelaskan mengenai tugas dan tanggungjawab Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di penjara.

Fasal 20 bertujuan mengadakan peruntukan bagi menjelaskan tanggungjawab pegawai penjara yang hendaklah mematuhi semua undang-undang bertulis, peraturan-peraturan dan perintah sah pegawai atasan.

Fasal 24 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan bantuan Polis Diraja Malaysia sewaktu berlaku keadaan darurat di dalam penjara.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV mengandungi 21 fasal yang menghuraikan tentang penjagaan dan pengalihan banduan. Peruntukan Fasal 26 menjelaskan mengenai penjagaan banduan di bawah pegawai yang menjaga penjara itu. Seseorang banduan hendaklah tertakluk kepada tatatertib penjara.

Fasal 31 diadakan bertujuan memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membawa keluar mana-mana banduan daripada penjara bagi tujuan perbicaraan, siasatan dan apa-apa kepentingan awam di Malaysia.

Fasal 37 diadakan bertujuan untuk membolehkan banduan yang mengalami sakit yang serius di dalam penjara dibawa ke sesuatu hospital kerajaan setelah mendapatkan perakuan daripada pegawai perubatan.

Fasal 45 menjelaskan bahawa banduan yang telah tamat tempoh tahanan memberikan kuasa kepada pegawai yang menjaga, dengan izin, officer in charge dengan persetujuan Ketua Pengarah Penjara untuk meluluskan bayaran tambang perjalanan kepada banduan ke tempat asalnya selepas mereka layak untuk dibebaskan.

Bahagian V memperkatakan penglibatan banduan dalam skim pekerjaan dan tata tertib banduan. Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, bahawa penjara sekarang ini lebih menekankan kepada aspek pemulihan kepada banduan. Oleh itu, semasa dalam penjara banduan akan diberi pemulihan. Antaranya melalui mempertingkatkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu seperti menggalakkan banduan bekerja. Tujuan diberikan kemahiran dan juga pekerjaan adalah untuk memperlengkapkan banduan bagi mendapat pekerjaan apabila dibebaskan kelak dan sedikit-sebanyak dapat membantu kehidupan keluarga mereka di rumah masing-masing. Banduan yang bekerja akan dibayar gaji yang sesuai. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa banduan tidak akan dipaksa untuk bekerja. Mereka

yang dibenarkan bekerja dipastikan kesihatan mereka berada dalam keadaan yang baik. Dalam usaha ini, Fasal 48 diwujudkan untuk memberi kuasa kepada Menteri bagi memperkenalkan skim pekerjaan untuk banduan.

Fasal 50 mengadakan peruntukan bagi membolehkan pegawai penjara menghukum banduan yang didapati bersalah kerana pesalah melakukan kesalahan di dalam penjara. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa banduan ini mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak penjara.

Fasal 52 bertujuan untuk memberikan peluang kepada banduan yang melakukan kesalahan dalam penjara untuk membela dirinya sebelum sesuatu hukuman dikenakan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VI memperkatakan tentang kesalahan. Fasal 54 dan 55 menjelaskan bahawa pembayaran wang atau balasan lain kepada seseorang pegawai yang bertugas di penjara oleh banduan atau wakilnya merupakan satu kesalahan. Peruntukan ini diadakan bagi memastikan pegawai tidak menyalahgunakan kuasa mereka untuk mendapat habuan.

Fasal 56 menghendaki seorang yang berhenti daripada bertugas sebagai Pegawai Penjara supaya menyerah kepada Pegawai Penjaga semua pakaian seragam, senjata dan kelengkapan lain. Kegagalan berbuat demikian adalah menjadi satu kesalahan.

Fasal 58 diwujudkan bagi mengatasi penyeludupan artikel yang dilarang ke dalam penjara.

Fasal 59 memperuntukkan suatu penalti am bagi kesalahan di mana penalti spesifik ada peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII memperkenalkan Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara. Fasal 60 menjelaskan tentang penubuhan Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara.

Fasal 61 menyatakan maksud Kumpulan Wang Hadiah itu boleh digunakan.

Fasal 62 pula menetapkan bahawa Kumpulan Wang hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara. Jawatankuasa ini diketuai oleh Ketua Pengarah Penjara sebagai Pengerusi, 2 orang pegawai kanan penjara dan 2 orang pegawai awam yang akan dilantik oleh Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VIII memperkatakan perkara-perkara am.

Fasal 63 bertujuan mengadakan peruntukan bahawa pegawai penjara tertakluk kepada peraturan tatatertib.

Fasal 64 bertujuan mengadakan peruntukan bagi melantik Lembaga Hakim Pelawat dalam setiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan.

Fasal 65 menyatakan tugas Lembaga Pelawat.

Fasal 67 bertujuan memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan tujuan dan maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 68 memperkatakan peruntukan pemansuhan, pengecualian dan peralihan. Rang Undang-undang

ini tidak melibatkan apa-apa perbelanjaan wang tambahan atau penambahan perjawatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya Rang Undang-undang Penjara 1995 adalah berasaskan kepada keperluan untuk mewujudkan keseragaman undang-undang kepenjaraan bagi seluruh Malaysia serta memperkemaskan sesuai dengan keadaan semasa, faktor-faktor geografi dan integrasi nasional. Ianya juga bertujuan untuk mengemaskinikan peruntukan yang tidak lagi sesuai yang mana perlu dimansuhkan, dipinda atau memerlukan peruntukan tambahan.

Akhirnya, pengwujudan Undang-undang Penjara yang baru ini adalah selaras dengan fungsi Jabatan Penjara sebagai pusat pemulihan dan sesuai dengan kebebasan asasi mengikut Perlembagaan Persekutuan serta wawasan negara bagi mewujudkan satu masyarakat ikram, dengan izin, caring society.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Penjara 1995 dibentangkan di Majlis ini bagi bacaan kedua dan dibahaskan.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Penjara 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Gelang Patah.

5.45 ptg.

Tuan Chang See Ten (Gelang Patah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada

Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang keemasan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Penjara 1995 dengan mengadakan Akta Penjara 1995 yang bakal diwujudkan. Ia akan dapat menggantikan 3 undang-undang berkenaan penjara selama ini di negara kita iaitu Ordinan Penjara 1992 di Malaysia Barat, Ordinan Penjara 1956 yang digunakan di Sabah dan Ordinan Penjara 1956 di Sarawak. Usaha ini akan dapat menyeragamkan undang-undang berkenaan penjara di negara kita dan akan dapat mengemaskinikan penubuhan dan pentadbiran penjara demi kepentingan negara, rakyat jelata amnya dan banduan-banduan yang masih dalam penjara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Fasal 8 yang mana Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengadakan jagaan selamat bagi banduan dalam penjara sementara, apabila bilangan banduan dalam sesuatu penjara adalah lebih ramai daripada yang munasabah, bolehlah ditahan dalam penjara itu iaitu satu keadaan yang over crowded dengan izin, atau jika terjadi wabak penyakit berjangkit dalam penjara. Peruntukan seksyen ini adalah munasabah dan penting memandangkan kes over crowded dengan izin, dan kes wabak penyakit berjangkit kemungkinan berlaku. Tindakan pencegahan perlu diambil supaya mengelakkan satu fenomena yang akan menjejaskan kesihatan banduan-banduan dalam penjara dan ini tentu akan melibatkan lebih perbelanjaan kepada kerajaan kerana rawatan yang perlu diberikan beramai-ramai kepada banduan. Apa yang perlu ditegaskan di sini ialah segala ciri-ciri keselamatan dan kemudahan asas mesti diadakan di penjara sementara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Fasal 64 yang mana peruntukan bagi perlantikan sesuatu badan Lembaga Hakim Pelawat dalam setiap negeri atau Wilayah Persekutuan. Saya menyokong pengwujudan seksyen ini dan berpendapat bahawa melalui Lembaga ini ia akan dapat menolong Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara dalam hal kemudahan-kemudahan asas di sesuatu penjara dari segi sanitasinya dan penyelenggaraan keseluruhannya dari semasa ke semasa. Ahli-ahli Lembaga akan sentiasa melawat penjara, memeriksa segala kemudahan penjara dan memastikan segala peruntukan dalam Rang Undang-undang ini dipatuhi oleh pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan penjara.

Saya ingin memberi cadangan di sini supaya satu garis panduan serta fungsi-fungsi tertentu untuk Lembaga ini perlu diadakan supaya dapat melicinkan tugas-tugas ahli-ahli Lembaga ini untuk mencapai segala matlamat-matlamat yang diinginkan dalam pengwujudan seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Fasal 48 yang mana banduan dalam penjara diberikan peluang untuk bekerja di luar kawasan penjara. Saya ingin mengambil peluang untuk menyentuh tentang seksyen ini yang mana saya berpendapat dengan mengambil banduan yang cuma melakukan jenayah ringan atau mereka yang hampir tamat tempoh hukuman penjara untuk bekerja di kilang-kilang tempatan bukan sahaja dapat mengurangkan impak masalah kekurangan pekerja kilang-kilang yang sedang melanda sektor perkilangan negara ini yang giat berkembang maju. Malah secara tidak langsung akan dapat memberikan peluang kepada

para banduan untuk turut menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, setelah berada di dalam penjara untuk tempoh beberapa tahun, bekas banduan sering menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri semula dalam masyarakat bagi menjalani kehidupan seperti orang biasa. Oleh yang demikian, dengan wujudnya rancangan membenarkan banduan bekerja di luar penjara, ini sebenarnya telah menyediakan satu persekitaran bagi banduan-banduan bersiap sedia kembali ke masyarakat setelah tamat tempoh penjara kelak. Di samping itu, dengan adanya kemahiran atau teknik tertentu ketika bekerja di kilang, para banduan akan dapat membina keyakinan diri untuk memulakan kehidupan yang baru, dan masyarakat umum tidak lagi akan memandang golongan ini dengan cuma berdasarkan rekod mereka yang lepas.

Saya yakin melalui rancangan mengatur banduan-banduan untuk berkhidmat di kilang-kilang yang amat dahagakan tenaga kerja, juga akan membantu membentuk imej banduan yang lebih positif dari kaca mata umum. Dan ini juga secara tidak langsung mengurangkan element anti sosial dalam pemikiran para banduan, dari segi jangka panjang manfaatnya amatlah besar.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya banduan-banduan dibenarkan untuk bekerja di luar kawasan penjara iaitu di kilang-kilang, dengan pendapatan yang mereka perolehi dapatlah mereka simpan untuk dijadikan modal bagi memulakan perniagaan kecil kelak. Saya percaya dengan rancangan sedemikian, beban kewangan pihak kerajaan untuk menyelenggara

bangunan atau kemudahan penjara serta kakitangan-kakitangan penjara juga dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya masalah keselamatan menjadi satu isu pokok yang kita bimbangkan, saya berpendapat, sekiranya langkah-langkah mengawal selia dapat dirangka dengan teliti, risiko banduan lari dari tempat pekerjaan akan dapat diminimalkan.

Kita sedia maklum bahawa kilang-kilang sebenarnya telah mempunyai sistem kawalan masing-masing yang begitu ketat dan jika ditambahkan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan dari Jabatan Penjara untuk turut mengawasi tingkah-laku banduan-banduan terbabit, sebenarnya kita tidak perlu begitu bimbang mereka akan menimbulkan insiden yang tidak diinginkan.

Kita juga perlu faham bahawa banduan-banduan yang terpilih untuk bekerja di luar kawasan penjara bukanlah sebarang banduan. Rekod tingkah-laku mereka akan dikaji terlebih dahulu dan saya berasa mereka yang terpilih juga faham adalah kurang bijak jika mereka membuat kekacauan kerana ini akan mengakibatkan hukuman mereka ditambah.

Dengan kata-kata yang demikian, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Penjara 1995. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tanjong.

5.54 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang Penjara 1995

yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa tekanan Rang Undang-undang ini ialah pemulihan (rehabilitation) daripada hukuman, tetapi sungguhpun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membuat kenyataan itu, emphasis pemulihan tidak dilihat daripada proses penggubalan Rang Undang-undang ini. Oleh kerana kalau kita mahu satu falsafah yang baru, mengadakan perubahan-perubahan (penal reforms), kita perlu sebagai langkah awal melibatkan segala sektor masyarakat kita dalam perbincangan, perbahasan, penggubalan satu Akta Penjara yang baru. Oleh kerana nampaknya kekurangan proses ini, tekanan pemulihan merupakan leap service dan apa yang diadakan ialah keseragaman undang-undang sahaja yang ada dan incorporate dengan semua undang-undang yang ada untuk menjadi satu undang-undang.

Saya tidak tahu sama ada Bar Council sebagai contohnya adalah diminta untuk menyertai dalam proses penggubalan Akta Penjara ini dan NGOs yang prihatin mengenai kedudukan-kedudukan banduan-banduan dalam proses pemulihan mereka adakah dijemput untuk menyertai dalam proses penggubalan ini? Saya percaya tidak, dan kalau begitu, inilah sangat tidak puas hati dan tentulah tidak akan berjaya untuk membawa masyarakat kita kepada satu arahan yang baru di mana kita lihat masalah banduan daripada segi pemulihan dan memperkenalkan penal reforms. Penal reforms sangat mendesak, sangat perlu dalam negara kita, oleh kerana kalau tidak silap, semenjak merdeka tidak ada satu

kajian penal reforms yang menyeluruh, yang pernah dilakukan dan ini adalah perkara yang mustahak.

Nampaknya tekanan ini ialah untuk mengatasi isu-isu tertentu yang kita hadapi dalam penjara-penjara seperti 'over-crowding', di mana ada peruntukan untuk memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengisytiharkan tempat-tempat sebagai kepungan atau penjara sementara oleh kerana masalah over-crowding ini. Kita tidak ada angka-angka keadaan over-crowding dalam penjara sekarang ini. Sungguhpun mengikut laporan-laporan yang kita ada, sebagai contohnya dua atau tiga tahun dahulu ada satu laporan bahawa Penjara Pudu sangat over-crowded. Bukan sahaja Penjara Pudu yang sebenarnya untuk 600 orang, tetapi ada lebih daripada 3,000 orang banduan-banduan ditempatkan dalam Penjara Pudu.

Sudah tentu apabila ada over-crowding, tidak ada syarat-syarat untuk menjalankan apa-apa usaha rehabilitation, bagaimana hendak rehabilitate banduan-banduan apabila masalah over-crowding pun tidak boleh diatasi? Pada masa itu kita ada masalah banduan reman di mana sehingga 5,000 orang banduan-banduan reman dalam penjara-penjara kita. Ada yang direman lebih daripada 10 tahun dan ada yang direman untuk tempoh lebih daripada tempoh mereka boleh dihukumkan, kalau disabitkan kesalahan. Mungkin-kah masalah ini ada ditangani, tetapi sampai sekarang apa keadaannya?

Apabila penjara-penjara kita menghadapi masalah over-crowding termasuk masalah bukan sahaja banduan-banduan reman, tetapi juga pendatang-pendatang haram. Kerajaan juga ada mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini dengan

mewujudkan depot-depot tahanan imigrasi supaya penjara-penjara dapat mengosongkan tempat-tempat untuk banduan-banduan di bawah sistem criminal of justice. Tetapi apa yang berlaku dalam depot-depot tahanan imigrasi pun akan berlaku dalam penjara-penjara sementara yang boleh diisytiharkan di bawah Akta ini oleh kerana over-crowding akan terus berlaku.

Semalam dengan beberapa Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, saya ada melawat kem tahanan imigrasi di Semenyih dan kita lihat keadaan-keadaan yang ada dalam tempat itu. Sungguhpun kerajaan mengambil tindakan satu sikap yang terbuka membenarkan Ahli-ahli Parlimen untuk melawat, tindakan ini sangat baik dan patut dipuji, tetapi kita perlu mengambil perhatian yang berat bahawa satu tempat yang sebenarnya cukup untuk 1,000 orang, oleh kerana over-crowding, ramai orang ditahan di sana sehingga berlaku berbagai-bagai masalah, bukan sahaja keadaan over-crowding tetapi berlaku juga 42 orang yang mati dalam kem tahanan Semenyih semenjak kem itu ditubuhkan. 10 orang mati kerana 'beri-beri', satu penyakit yang sangat "rare" dalam negara kita, oleh kerana kekurangan vitamin B. Mereka semua orang Bangladesh. Kalau mereka meninggal dunia oleh kerana sakit 'beri-beri' dua, tiga atau empat hari selepas dimasukkan ke tempat tahanan, ini boleh dikatakan kerana keadaan kesihatan mereka sebelum ditempatkan di kem tahanan imigresen tetapi mereka berada di tempat tahanan itu selama sekurang-kurangnya 4 bulan.

Ada kes yang ditempatkan di kem tahanan lebih daripada satu tahun. Kalau mereka ada 'beri-beri' sebelum

masuk kem tahanan, apabila masuk kem tahanan untuk dua minggu atau satu bulan kalau mereka mendapat makanan yang basic sepatutnya mereka lebih sihat dan tidak ada sebab kenapa orang mati oleh kerana 'beri-beri' atau tidak cukup makanan (malnutrition). Ini mustahak oleh kerana kalau ini boleh berlaku dalam kem-kem tahanan imigresen, ia juga boleh berlaku dalam penjara-penjara sementara oleh kerana apabila diperuntukkan, ini dibiarkan sahaja.

Perkara yang semacam ini adalah mustahak supaya nama baik negara kita tidak dirosakkan. Saya menimbulkan perkara ini bukan oleh kerana hendak merosakkan nama baik negara kita tetapi satu isu yang berlaku dan kita perlu mengambil sikap yang terbuka. Sebenarnya ini adalah satu isu yang perlu melibatkan negara-negara lain yang ada nasional di sini, khasnya High Commission Bangladesh. Saya sangat dukacita bahawa High Commission Bangladesh tidak mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini sungguh pun nasional mereka terlibat. Hari ini saya telah cuba menghubungi Bangladesh High Commission untuk membincangkan perkara ini tetapi ia mahu mendapatkan kebenaran (clearance) dari Wisma Putra. Ini kali yang pertama saya dengar bahawa High Commissioner atau Ambassador memerlukan kebenaran daripada Wisma Putra sebelum boleh berjumpa dengan Ketua Pembangkang atau mana-mana ahli Parlimen. Ini menunjukkan kecuaiannya seorang High Commissioner Bangladesh.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada isu Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita, kalau kita hendak menekankan aspek pemulihan (rehabilitation), kita perlukan satu kajian yang menyeluruh daripada

beberapa aspek khususnya untuk memperkenalkan sistem di mana pesalah-pesalah jenayah, kesalahan ringan (light offences) tidak dipenjarakan, tidak dapat custodial offences tetapi perlu mengadakan non-custodial offences sebab termasuk community services di mana mereka perlu mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan komuniti yang menunjukkan tanggungjawab mereka kepada komuniti. Ini bukannya satu konsep yang baru.

Sebenarnya, dua-tiga tahun dahulu ada menteri-menteri, masa itu Menteri Undang-undang pernah mengutarakan dan beliau mengatakan bahawa kerajaan sedang dalam proses untuk menimbang bagi memperkenalkan community services untuk light criminal offences. Itu tiga tahun dahulu dan sekarang sudah tahun 1995, Rang Undang-undang Penjara ada dikemukakan tetapi belum ada supportive concept di mana sistem penjara kita boleh memainkan peranan pemulihan yang lebih berkesan, yang lebih original. Inilah kelemahan besar Rang Undang-undang ini. Kalau Rang Undang-undang ini dikemukakan selepas satu perbincangan, satu 'process consultation' yang melibatkan semua sektor, tentulah negara kita lebih siap-sedia untuk menghadapi 'penal reforms'.

Tuan Yang di-Pertua, memang dalam penjara, kem tahanan, banduan-banduan menghadapi banyak masalah. Kita tidak boleh menganggap mereka sebagai sudah hilang semua hak asasi sungguh pun mereka menjadi banduan. Kalau kita mahu rehabilitate mereka, kita perlu hormat hak-hak asasi mereka.

Saya ada sedikit pengalaman sebagai mangsa tahanan di bawah

Akta ISA 1969, di Kamunting pada tahun 1987-1988. Saya ingat lagi apabila saya berada dalam kem tahanan Kamunting, saya ada meminta supaya diberikan kemudahan-kemudahan dalam kem, iaitu komputer untuk "word processing" tetapi mereka yang bertanggungjawab sangat takut. "Komputer, mana boleh! Nanti boleh berhubung dengan orang luar, boleh berhubung bukan sahaja dalam Malaysia tetapi dengan dunia luar". Kenapa begitu takut untuk membenarkan banduan menggunakan komputer? Di negara-negara lain mereka bukan sahaja ada komputer untuk "word processing" tetapi untuk proses yang lebih tinggi. Sama ada banduan-banduan akan dibenarkan untuk subscribe masuk internet, itu hal yang lain, tetapi sekurang-kurangnya kalau mereka boleh ada typewriter, mahu rehabilitate mereka, benarkan mereka menggunakan komputer, word processing dan softwares yang lain.

Saya harap bahawa sistem pentadbiran penjara akan ada satu sikap yang lebih terbuka. Saya rasa kalau mereka boleh internet pun baik, sungguh pun, tentulah boleh ada sedikit kawalan. Ada kes ISA yang lain, dalam masa Dr. Jeffery Kitingan ditangkap di bawah ISA, ada dua kali - kalau saya tak silap, dua atau tiga kali saya ada meminta kebenaran untuk melawat beliau. Dalam Kem Tahanan Semenyih sangat baik, syabas, tahniah, kita dapat kebenaran melawat Kem Tahanan Imigrasi di Semenyih untuk melihat keadaan yang sebenar dalam kem itu, dan kita akan buat syor-syor, pandangan-pandangan kita, cadangan-cadangan kita kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri supaya kedudukan dalam kem ini tidak akan menjadi satu kontroversi di seluruh

dunia. Tetapi apabila saya di masa lampau meminta kebenaran untuk melawat Dr. Jeffery Kitingan, tak dapat kebenaran. Mungkin masa itu mahu mengurung Dr. Jeffery Kitingan sehingga boleh tukar fikiran-politik beliau, dan takut kalau ada apa-apa lawatan, ada usaha-usaha untuk brainwash beliau, tidak akan berjaya. Tetapi ini tak patut menjadi alasan untuk menolak permintaan untuk lawatan. Saya harap bahawa apa yang berlaku di masa lampau tidak akan berulang di masa depan.

Saya harap kalau kerajaan sebenarnya mahu sistem penjara kita memberi tekanan kepada pemulihan, bahawa Kementerian Dalam Negeri atau Kabinet patut mengkaji menubuhkan satu jawatankuasa untuk kaji, bincang, penal reforms – penal reforms yang patut diadakan dalam negara kita, sama ada kita mahu hantar begitu ramai orang kita yang ada buat kesalahan, tak kira betapa seriusnya kepada penjara. Oleh kerana mengikut satu maklumat, banduan-banduan yang berusia di antara 21 dan 29 tahun adalah kumpulan paling ramai yang menjalani hukuman penjara di seluruh negara. Antara 21 ke-29 tahun, sama ada ada cara-cara yang lain di mana tenaga ini boleh dipulih tanpa perlu mengadakan hukuman custodial. Saya rasa ini mustahak, kalau tidak, apa yang kita akan lulus hari ini atau hari Isnin ialah untuk mensekukan undang-undang sahaja yang tidak membawa erti yang besar kepada penal reforms di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya haraplah kita akan dapat jawapan khasnya mengenai hasrat kerajaan untuk melibatkan segala sektor dalam proses penal reforms dan bahawa kerajaan akan mengadakan satu sikap terbuka

supaya banduan-banduan sama ada dalam penjara-penjara atau penjara-penjara sementara tidak diasingkan daripada masyarakat, bahawa ada interaction terus boleh diadakan. Saya sebut ini oleh kerana apabila dalam lawatan saya ke Semenyih Immigration Detention Camp, saya dapati bahawa tidak ada peruntukan board of visitors untuk melawat kawasan itu. Ini tidak sihat, patutlah ada sikap yang terbuka untuk membenarkan interaksi di mana masalah-masalah banduan-banduan sama ada dalam negeri atau Imigresen atau apa ada saluran untuk dikemukakan kepada atasan supaya isu-isu boleh diatasi dan diselesaikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab.

6.15 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah dan Tanjong kerana telah memberi beberapa cadangan dan kritikan. Saya hanya dapat menjawab hal-hal yang bersangkutan-paut dengan akta ini. Kalau sekiranya perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan akta ini, mungkin saya rasa masa yang lain lebih sesuai untuk kita bincang.

Yang Berhormat dari Gelang Patah telah menyokong pindaan ini dan dapat nampak dengan jelas apakah tujuannya penggubalan Akta ini. Memang adalah tepat sekali bahawa membenarkan banduan kerja di luar ini adalah satu perkara yang sangat sesuai, dan pihak penjara ataupun pihak kerajaan hanya akan membenarkan banduan yang kita fikirkan sesuai

dan juga mereka yang sanggup. Tetapi bagi banduan-banduan yang masih dalam tahap kategori yang bahaya, tidak akan dibenarkan begitu sahaja. Ini semuanya akan ada garis panduan nanti. Ini bermaknanya semua cadangan itu adalah cadangan yang baik. Memang salah satu faktor kita timbul, mereka dibenar bekerja di luar dapat menampung satu masalah kekurangan tenaga pekerja.

Mengenai masalah keselamatan, kemudahan untuk penjara sementara, memang semuanya telah pun kita ambil kira. Untuk Lembaga Pelawat, memang selama ini sudah ada garis panduan dan ada fungsi-fungsi yang jelas. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan itu akan kita ambil kira. Akta ini memang ke arah kita hendak beri satu imej yang lebih positif terhadap cara sistem kepenjaraan kita.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi balik kepada dua tiga ayat yang sebelum tadi mengenai tujuan membenarkan banduan untuk bekerja. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berharap diadakan peruntukan yang sedemikian bukannya dimotivasikan daripada kesuntukan tenaga buruh yang ada di pasaran buruh Malaysia. Maknanya kita bukan hendak mengadakan peruntukan untuk memenuhi permintaan buruh di luar penjara, tetapi ianya lebih merupakan sebagai satu usaha untuk memulihkan kembali dan membekalkan banduan ini dengan kemampuan untuk menjadi

produktif selepas mereka keluar daripada penjara nanti. Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Memang itu telah pun saya jelaskan dalam nota semasa saya bentangkan. Yang utamanya ialah pemuliharaan, kita hendak memulihkan mereka sebelum banduan ini keluar daripada penjara, mereka sudah pulih bukan sahaja dari segi sikap, tetapi dari segi kemahiran juga sedikit-sebanyak dapat menjadikan mereka ini apabila kembali ke pangkuan masyarakat, mereka jadi warga yang bersikap positif. Di samping itu, ianya juga dapat menampung kekurangan tenaga itu, tetapi faktor itu bukan motivasi, memang bukan, saya setuju apa Yang Berhormat telah mengatakan. Ini cuma sebagai satu program pemuliharaan. Hanya mereka yang sudah dalam kategori yang kita rasa boleh benarkan dia pergi keluar kerja. Bukan semua banduan kita boleh beri, kalau sikapnya masih sangat degil dan negatif, tak bolehlah mereka itu keluar ataupun.....

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan perkara itu di mana banduan spesifik kategori akan dibenarkan untuk keluar penjara untuk bekerja, adakah upah mereka dianggap sebagai hak mereka atau mereka tidak ada hak untuk diupah.

Yang kedua, oleh kerana di negara yang lain ada penswastan penjara-penjara, adakah kerajaan mengambil satu pendirian dalam perkara ini bahawa mengenai kemungkinan penswastan penjara sama ada tentu

tidak akan ditimbang atau ada apa-apa fikiran mengenai perkara ini?

Tuan Ong Ka Ting: Dari segi upah, walaupun tidak dinyatakan dengan jelas dalam Akta ini tetapi pihak kementerian akan melalui peraturan-peraturan yang ditetapkan untuk menetapkan satu skim untuk mereka yang terlibat dalam skim pekerja dan banduan-banduan ini akan mempunyai hak kepada upah. Upah itu memang kita akan pastikan bahawa banduan-banduan itu tidak akan dieksploitasikan oleh mana-mana pihak. Dari segi itu, memang kita mengambil kira hak asasi mereka itu.

Setakat ini Kerajaan Malaysia belum ada apa-apa cadangan hendak fikir dari segi penswastaan kerana ini masih merupakan satu masalah keselamatan, belum sampai tahap kita hendak menimbangkan penswastaan itu. Sebarang program kerja di luar itu masih di dalam kawalan pihak berkuasa penjara, dan ianya tidak akan diserahkan kepada orang luar.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat dari Gelang Patah adalah memang selaras dengan pendirian kerajaan dari segi pemulihan banduan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membuat beberapa kritikan dan cadangan. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan dalam Akta ini tekanan pemulihan tidak dilihat, saya rasa itu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan saya telah jelaskan tadi, sebenarnya dari segi pemulihan kalau sekiranya kita tak tekankan atau tak pentingkan pemulihan, saya rasa dibenarkan banduan kerja di luar, itu tidak wujud dalam Akta ini. Ini salah satu perkara

yang baru, ini menunjukkan pendirian kerajaan kita benar-benar hendak memulihkan mereka supaya bila dia keluar, dia menjadi orang yang berguna dan boleh memberi sumbangan yang positif. Dari segi kritikan yang

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan kerja di luar ini siapakah yang bertanggungjawab memberikan upahnya kepada banduan-banduan ini dan berapakah upah yang diberikan bagi sesuatu kerja?

Kalau tidak silap saya dalam tahun 1980 dahulu, apabila banduan diarah membuat kerja-kerja penjara di Kajang, upahnya cuma 20 sen diberikan kepada mereka dan yang bakinya itu disimpan oleh pihak penjara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, majikan akan membayar upah. Majikan di luar yang memberi kerja kepada banduan ini, mereka akan membayar upah. Sepertimana saya tekankan tadi upah itu tidak boleh dibuat bandingan dengan pasaran, dia tidak boleh eksploitasikan banduan. Pihak penjara mulai daripadanya Akta yang lebih kemas kini, kita belum membuat peraturan tetapi prinsipnya ialah kita akan pastikan banduan itu mendapat upah yang munasabah.

Salah satu kriteria yang kita telah fikirkan ialah kita ingat kalau banduan-banduan yang telah bersabit di dalam sesuatu kesalahan, apabila mereka

ditempatkan di dalam institusi penjara ini, mereka kena diberi makanan dan diberi perbelanjaan oleh kerajaan di mana kerajaan terpaksa menggunakan cukai orang awam untuk membiayai semua kos kehidupan di situ. Dari segi itu nampaknya tidak berapa adil. Jadi, kita ingat kalau mereka boleh menyumbang dari segi itu, kalau boleh bekerja, mengapa tidak? Kalau mereka sudah sampai ke satu tahap boleh kita kawal dengan selamat, beri mereka kerja supaya mereka boleh mencari wang walaupun di dalam penjara. Tetapi dari segi bagaimana kita akan agihkan itu, kita akan menentukan kemudian.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat memberitahu banduan-banduan kategori mana yang boleh keluar bekerja ataupun ada kategori-kategori yang kaki kena tambat baru boleh bekerja?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kategori yang jelas sekali ialah mereka sudah dekat hendak boleh dilepaskan kerana tempoh penjara mereka itu sudah lama. Kata-lah kalau tempoh hukuman penjaranya ialah 10 tahun, dia sudah sampai 8 tahun ataupun tinggal satu tahun lebih, takkan dia hendak lari, sebab dia sudah tujuh-lapan tahun di situ. Kalau dia lari dan dapat ditangkap balik, lagi lama. Dan juga sikap, tingkah laku dan prestasi di dalam penjara itu selama dia berada di dalam penjara itu rekodnya semua positif, nampak gejala sikapnya orang itu tidak ganas,

tidak akan menimbulkan masalah, maka kategori ini boleh dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Md. Isa bin Sabu: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun lagi.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Banduan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang hampir bebas dibawa bekerja di luar, tidak mungkin melarikan diri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pernah berlaku banduan yang seperti ini lari setelah dibawa keluar bekerja. Berapa banyak kes yang telah berlaku begini dan apakah tindakan yang diambil?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, baru sebentar tadi saya telah menerangkan bahawa mereka yang kemungkinan besar gejalanya tidak menunjukkan dia hendak lari tetapi selalunya ini kita tidak boleh kata 100%. Kalau ada pun satu-dua exceptional, maka kita akan bertindak mengikut keadaan. Kalau dia lari, dia bersabit dengan kesalahan juga, maka dia akan dihukum kalau dapat ditangkap semula, dan tempoh dia berada di penjara itu mungkin akan ditambah kerana kesalahan yang baru, dan adalah satu perkara yang tidak menguntungkan bagi banduan yang lari itu.

Saya tidak ada angka untuk orang yang telah lepas lari ini.....

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa masa telah suntuk, saya hendak teruskan. Bantuan kerja luar sudah cukuplah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia tidak beri jalan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apabila Akta ini digubal kita tidak melibatkan Bar Council, NGOs dan sebagainya, saya rasa ini adalah sesuatu yang berkaitan dengan institusi kepenjaraan. Pihak-pihak berkuasa telah pun meneliti apa-apa yang telah berlaku di sekeliling kita, daripada pengalaman begitu lama, apa-apa kelemahan kita hendak betulkan. Tujuan ini adalah untuk membetulkan semua kelemahan dan bukannya untuk mengetatkan atau hendak memberi banyak lagi masalah.

Saya rasa sudah ada perundingan, sudah ada perbincangan yang cukup luas, tak perlu kita pergi consult dengan banyak sangat NGOs sampai lama-lama – tidak boleh begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. Ibrahim bin Saad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

Bayaran Komisen Atas Faedah Pinjaman Kereta EON Dan Harga Aksesori Kereta Yang Munasabah

6.30 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendesak pihak kementerian agar memaksa syarikat kewangan membayar komisen 1% daripada 8% kadar faedah pinjaman kereta kepada EON Bhd. atau jurujualnya dan 1% kadar faedahnya bukan ditanggung oleh pihak pelanggan tetapi sepatutnya ditanggung oleh syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, yang itu bukannya Yang Berhormat sudah berucap dahulu?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan ini komisen.

Tuan Yang di-Pertua: Komisen? Yang diucapkan dahulu itu saya rasa saya sudah dengar.

Tuan Lim Guan Eng: Yang lepas itu ialah tentang faedah yang dikembalikan kepada para peminjam – itu bukan. Ini ialah komisen. Biarlah saya terangkan lebih lanjut lagi. Apa yang berlaku ialah bukan tentang kadar faedah yang dikenakan kepada para peminjam, tetapi ialah mengenai kadar faedah di mana sebahagian daripadanya dibayar kepada jurujual atau EON. Sekian.

Tuan Haji Mustafa bin Muda:
Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia?

Tuan Haji Mustafa bin Muda:
Saya rasa mesyuarat tidak dapat diteruskan kerana kuorum tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Sila bilang.

(Ahli-ahli dikira: 13 ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: 13, tidak cukup kuorum, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tidak cukup kuorum saya terpaksa menangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang pada hari Isnin yang akan datang. Mesyuarat ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.